

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

5 = 0



Datuk Iskandar
Dzulkarnain
Abdul Khalid

MP KUALA KANGSAR



Datuk Dr Suhaili
Abdul Rahman

MP LABUAN



Mohd Azizi
Abu Naim

MP GUA MUSANG



Zahari Kechik

MP JELI



Datuk Syed
Abu Hussin Hafiz
Syed Abdul Fasal

MP BUKIT GANTANG

►►3

Wartawan pada era
digital
=> 7

Jam anak Melayu
mendunia
=> 9-10

4 menu 'ketagih'
hujung minggu
=> 16

Negara rapuh, perpaduan akan tergugat jika tidak dibendung

Anwar tegas tangani budaya takfiri

SKUAD WILAYAHKU

BUDAYA takfiri atau kafir mengkafir sesama Islam sudah mula menusuk di negara ekoran berlaku pertentangan ideologi dan jalur politik yang berbeza.

Bibit-bibit perpecahan yang berlaku ini mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengingatkan mengenai bahaya budaya berkenaan boleh membawa perpecahan dalam kalangan umat Islam serta memberi kesan kepada rakyat berbilang kaum di negara ini.

"Jika kita ambil sikap tolak ansur terhadap gejala ini, negara ini akan rapuh dan tidak akan dapat bertahan."

"Selagi kita berkuasa, kita tidak akan izinkan negara ini diperkotak-katikan atas nama agama dan kaum," katanya yang juga Presiden PKR ketika menyampaikan Ucapan Dasar pada Kongres Nasional Tahunan PKR 2023 baru-baru ini.

Dalam pada itu, Mufti Pulau Pinang, **Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor** berkata agama Islam melarang keras perbuatan mengkafirkannya sesama umat Islam.

"Mengikut satu riwarat al-Bukhari bahawa Nabi SAW bersabda maksudnya, 'Tidak menuduh seorang akan seorang yang lain dengan



kekufuran atau kefasikan melainkan tuduhan itu kembali kepadanya (orang yang menuduh) jika yang dituduh bukan demikian.'

"Nabi juga bersabda yang bermaksud, 'Barang siapa bersolat seperti kita, menghadap ke arah kiblat kita (ketika bersolat) dan memakan haiwan sembelihan seperti kita maka dia adalah seorang Muslim'."

"Larangan mengkafirkannya sesama pengikut Islam adalah disebabkan kesan buruknya ke atas masyarakat terutama ia boleh menyemarakkan perasaan benci membenci dan bermusuhan antara satu sama lain, seterusnya boleh memecahbelahkan masyarakat," katanya.

Menurut Wan Salim, hukuman mengkafirkannya seseorang muslim adalah haram tanpa disertakan bukti-bukti yang kukuh.

"Lantaran itu para ulamak Ahli Sunnah bersepakat tentang hukumnya haram mengkafirkannya seorang Muslim tanpa bukti kukuh tidak boleh ditafsirkan melainkan kufur.

"Contohnya seperti seorang sujud kepada berhala, memijak kitab suci Al-Quran, mencaci Rasulullah SAW dan sebagainya," jelasnya.

Beliau turut menegaskan, masalah perbezaan fahaman adalah perkara biasa namun, persengketan wajar diselesaikan secara sihat dan

yang

berilmiah.



UMAT Islam harus melibatkan diri dalam majlis ilmu bagi membendung pemikiran pelampau yang menjurus ke arah takfiri.

Wan Salim berkata beliau harap budaya takfiri dapat dielakkan kerana ia mendatangkan kemaslahatan kehidupan masyarakat majmuk di negara.

Selain itu, beliau juga berharap agar pihak berkuasa mengenakan hukuman lebih berat kepada individu yang terlibat.

"Masyarakat Islam hendaklah berhati-hati agar tidak terjebak di dalam budaya takfiri yang merbahaya ini. Ia boleh merosakkan iman seorang Muslim di samping memutuskan hubungan silaturahim antara kaum kerabat dan sahabat handai. Belajarlah agama daripada guru-guru yang mursyid iaitu mereka yang ikhlas dan berkelayakan.

"Bagi mencegah gejala takfiri ini

sedaya upaya. Tersalah membiarkan seribu orang yang kufur meneruskan kehidupan adalah jauh lebih ringan berbanding tersalah menumpahkan dan menghalalkan darah seorang Muslim," katanya kepada Wilayahku pada Selasa.

Beliau turut bersetuju dengan penegasan yang ditunjukkan Perdana Menteri kerana budaya takfiri adalah punca utama kepada perrusuhan, pertumpahan darah dan ketidakstabilan masyarakat.

"Ia bermula dengan mengkafirkannya secara bermudah-mudah, akan berakhir menumpahkan darah pihak yang disangka telah kafir oleh mereka maka budaya ini wajib disekat dan dibendung," katanya.

Muhamad Norazam berkata peringatan, teguran dan kempen kesedaran oleh pihak autoriti agama perlu digiatkan secara lebih berkesan seperti khutbah, wacana, fatwa tentang budaya takfiri.

"Pihak kerajaan juga perlu memanfaatkan hubungan baik dengan institusi Islam utama dalam dunia seperti Al Azhar Syarif untuk mengambil faedah dari pengalaman mereka dan juga panduan dari mereka dalam menghadapi golongan ekstremis dan budaya takfir dalam masyarakat.

"Agamawan mesti berterusan menjalankan tanggungjawab menasihati dan menegur budaya takfiri ini dalam semua ruang yang tersedia di hadapan mereka seperti meja-meja kuliah, media sosial dan sebagainya kerana ini adalah tanggungjawab agama terhadap mereka," katanya. **WK**

Autoriti agama perlu pantau pendakwah, elak sentuh isu 3R

BUDAYA takfiri atau kafir-mengkafir dalam kalangan penyokong kelompok tertentu jelas menunjukkan peningkatan dan kini ia berada dalam situasi amat membimbangkan.

Menurut Peguam Kanan, **Dr Zulqarnain Lukman**, isu berkenaan adalah antara cabang jenayah berunsur 3R (Bangsa, Agama dan Raja) dan telah mula berkembang serta membimbangkan kerana ia bakal mempengaruhi perpaduan nasional.

"Apabila gejala takfiri tidak dipantau dengan berkesan oleh pihak berautoriti agama, maka ada sesetengah asatizah atau pendakwah yang mengajar di masjid-masjid juga terikut-ikut dengan gejala takfiri," katanya kepada Wilayahku.

Menjelas lanjut, gejala takfiri adalah manifestasi daripada fahaman khawarij yang ia sendiri berasal daripada orang yang warak dan ahli ibadah tetapi tidak memahami isu politik.

"Fahaman khawarij inilah yang menyebabkan mereka terpesong dan menyanggah Khalifah Islam



keempat, Saidina Ali sebagai khalifah dan menjadikan isu politik sebagai isu akidah umat Islam," katanya.

Zulqarnain berkata Kerajaan Persekutuan melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) perlu memanggil mesyuarat bersama dengan pihak berautoriti agama di negeri-negeri untuk membincangkan isu ini dengan lebih tuntas.

Jelas beliau, kebanyakannya Enakmen Jenayah Syariah di negeri-negeri sudah mengakui kesalahan takfiri ini bagi membendung kelompok dan budaya berkenaan.

"Umpamanya, Seksyen 6 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 menyatakan kesalahan takfiri itu sebagai kesalahan mengatakan atau mengaitkan atau melalui kata-kata, sama ada secara lisan atau tulisan atau dengan isyarat atau dengan gambaran tampak.

"Ia juga termasuklah dengan apa-apa perbuatan, kegiatan atau kelakuan atau dengan mengelolakan, mengjururkan atau



PIHAK berkuasa agama negeri-negeri mestilah bertindak proaktif dengan menerangkan kepada umat Islam mengenai bahaya budaya tersebut. Foto: JAWI

mengaturkan apa-apa kegiatan atau selainnya dengan apa-apa juga cara, bahawa mana-mana orang yang menganuti agama Islam atau orang-orang yang tergolong dalam mana-mana kumpulan, kelas atau perihalan orang yang menganuti agama Islam adalah orang kafir; telah berhenti menganuti agama Islam; tidak patut diterima, atau tidak dapat diterima, sebagai

menganuti agama Islam atau tidak mempercayai, mengikut, menganuti atau tergolong dalam agama Islam.

"Kesalahan ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya," katanya sambil menambah dalam undang-undang sivil, Seksyen 298A Kanun

Keseksan boleh digunakan untuk menyekat penularan budaya berkenaan.

Menurut Zulqarnain, pihak Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri perlu memberikan penerangan kepada orang ramai mengenai kesalahan ini dan mengambil tindakan tegas termasuk mendakwa mana-mana orang Islam di Mahkamah Syariah atas kesalahan seperti ini.

"Pihak Majlis Raja-Raja juga perlu memainkan peranan dan membincangkan isu ini supaya satu polisi dapat diseragamkan dan diambil untuk mengelakkan kejadian yang lebih parah berlaku sehingga mungkin mendatangkan kecederaan fizikal," katanya.

Tambah Zulqarnain, satu kata sepakat perlu dibuat antara agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab seperti pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri untuk mengambil tindakan bagi mengekang gejala yang tidak sihat ini. **WK**

Kerajaan Perpaduan semakin kuat, MP PN beralih sokongan

Pembangkang, hentikan hasrat tebuk atap - PM

KERAJAAN Perpaduan di bawah pimpinan Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim semakin mendapat sokongan apabila Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) Bukit Gantang, Datuk Seri Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal mengumumkan sokongan terhadap kerajaan sekali gus meleburkan impian pembangkang untuk mengambil alih kerajaan melalui pintu belakang.

Tindakan Syed Abu Hussin itu menjadikan kini lima ahli parlimen PN yang menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri dan Kerajaan Perpaduan.

Ketika mengumumkan perkara itu dalam sesi jawaban lisan Perdana Menteri (PMQT) di Parlimen baru-baru ini, Syed Abu Hussin turut mengajak bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk membantu Anwar dalam membina gagasan Malaysia MADANI serta menyeru ahli parlimen pembangkang untuk berunding dengan pihak kerajaan.

“Saya meminta Tambun, Pagoh dan juga Bera, buanglah yang keruh ambillah yang jernih, marilah Pagoh dan Bera kerana keduanya bekas Perdana Menteri bersama-sama membantu Tambun (Anwar) membina masyarakat MADANI.

“Kepada ahli Parlimen pembangkang pula marilah kita berunding sebaik-baiknya dengan pihak kerajaan sebagaimana persefahaman semasa Bera (Ismail) menjadi Perdana Menteri ke-9.

“Saya sendiri bersedia untuk memberi dan membantu kerajaan dalam mewujudkan masyarakat MADANI menangani kenaikan harga barang dan kos sara hidup dengan mengambil ibrah Nabi Yusuf, dengan ini Bukit Gantang mengisyiharkan menyokong Tambun sebagai Perdana Menteri dan gagasan Kerajaan MADANI,” katanya.

Bagaimanapun, reaksi daripada beberapa wakil pembangkang sudah

diduga apabila Ahli Parlimen Kota Bharu, Datuk Seri Takiyuddin Hassan menuduh Anwar sengaja menahan peruntukan kepada Ahli-Ahli Parlimen pembangkang namun ia diselar Perdana Menteri kerana beliau terbuka dan perlu melalui kaedah rundingan dengan Timbalan Perdana Menteri (TPM) 2, Datuk Seri Fadillah Yusof tanpa mewajibkan mereka menyokong Perdana Menteri.

Anwar berkata beliau tidak pernah menyuruh mana-mana Ahli Parlimen Pembangkang untuk membodek beliau demi mendapatkan peruntukan.

“Setakat yang saya bincang dengan TPM Kedua, tidak ada kata kata wajib sokong Perdana Menteri untuk dapatkan peruntukan.

“Ini bincang tidak, sompong bukan main. Saya sebagai Ketua Pembangkang, bila dipanggil, memang Pagoh (Tan Sri Muhyiddin Yassin) tak mau jumpa (saya), dia ada kelas lain, tapi Bera (Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob) dia jumpa dan kita bincang. Jadi saya tak ada masalah tak terasa terhakis pengaruh atau kedudukan,” jelas Perdana Menteri lagi.

Biarpun berbeza ideologi politik, Anwar menegaskan, beliau sentiasa mengiktiraf kedudukan ketua-ketua kerajaan negeri, biarpun mereka berstatus pembangkang di peringkat Persekutuan termasuk memastikan Menteri Besar (MB) Kedah, Datuk Seri Mohamad Sanusi Md Nor dan Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli turut bersama-sama dengannya dalam pertemuan rasmi dengan Perdana Menteri Thailand, Srettha Thavisin pada Isnin.

“Saya pergi ke Kedah berunding dengan Perdana Menteri Thailand di sempadan Sadao dan Bukit Kayu Hitam, memang tidak diundang Menteri Besar Perlis dan Kedah. (Tetapi) saya putuskan undang, PM Thailand tidak mengundang Menteri Besar untuk makan tengah hari di Sadao, saya bagi nota minta kepada Perdana

Menteri (Thailand), oleh kerana dia (MB Kedah) ikut rombongan, minta disamaran dalam jawatkuasa itu kerana saya tahu had saya.

“Saya boleh berbeda pendapat daripada segi politik, tetapi saya iktiraf kedudukan, bahawa dia memang dipilih sebagai MB Perlis dan Kedah. Jadi ada hadnya, jangan hina lebih dari itu. Saya juga tahu had saya,” katanya ketika menjawab tuduhan Takiyuddin.

Dengan perkembangan baharu itu, pembangkang kini sudah boleh melupakan terus igauan untuk menjadi kerajaan pada penggal ini menerusi ‘tebuk atap’ dan demi memastikan negara berada di landasan tepat.

Walaupun dengan meletakkan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Samsuri Mokhtar sebagai calon PAS di Pilihanraya Kecil Parlimen Kemaman, tahap sokongan kepada Anwar semakin kuat dan utuh sekali gus tidak mengubah apa jua keadaan di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Terdahulu, 12 Oktober lalu, Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid menyatakan sokongan terhadap Perdana Menteri menerusi kenyataan medianya menyokong Anwar atas apa-apa usaha yang dilakukan bagi mengukuhkan ekonomi negara.

Tindakan Iskandar Dzulkarnain kemudian diikuti Ahli Parlimen Labuan, Datuk Dr Suhaili Abdul Rahman pada 30 Oktober lalu, Ahli Parlimen Gua Musang, Mohd Azizi Abu Naim pada 7 November diikuti Ahli Parlimen Jeli, Zahari Kechik pada 8 November.

Kesemua ahli parlimen terbabit menyatakan sokongan terhadap Perdana Menteri setelah mengambil kira keperluan rakyat di samping bersetuju dengan usaha berterusan serta inisiatif pengukuhan ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Perpaduan. WK

Kronologi sokongan Ahli Parlimen PN kepada Perdana Menteri



Tuduhan beli MP tidak berasas

KEOH dan tular dalam media sosial kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyogok beberapa ahli Parlimen pembangkang untuk menyokongnya baru-baru ini.

Maka muncullah komen-komen sinis yang mendakwa Anwar sudah tiada sokongan dan terpaksa menggunakan cara kotor demi meraih sokongan.

Apatah lagi ada yang mengaitkan, PMX kononnya cuba mengugut ahli-ahli Parlimen tersebut akan disabitkan kesalahan dan bakal berdepan proses mahkamah, jika tidak menyokong beliau.

Sebagai balasan kepada sokongan yang diberikan, dikatakan mereka akan diberi peruntukan berbanding pembangkang lain yang tidak menyatakan sokongan.

Namun ternyata ia merupakan

tuduhan tidak berasas sama sekali. Baru-baru ini Anwar menegaskan keputusan ahli Parlimen pembangkang menyokongnya disebabkan mereka yakin dengan keputusan dan dasar dilaksanakan Kerajaan Perpaduan.

Malah beliau berpandangan ahli Parlimen terbabit juga yakin dengan perkembangan ekonomi yang dikemudi kerajaan di bawah pimpinannya.

“Sebab itu ahli Parlimen menyeberang, dia kata kita bagi sogokan, (sedangkan) tak ada, saya tak jumpa mereka sebelum mereka buat keputusan dan apabila mereka kata nak jumpa, saya kata buat keputusan dahulu, boleh jumpa.

“(Jadi) mereka buat keputusan kerana tahu dasar kita, dia lihat perkembangan ekonomi dan negara ini, selainnya (adalah mengenai) peruntukan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan penggulungan pada Kongres Nasional PKR 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), baru-baru ini.

Justeru, beliau mengingatkan semua ahli parti supaya tidak bimbang kerana keadaan politik ketika ini adalah stabil.

“Dalam PN (Perikatan Nasional), apa lagi yang dia tak sebut, kerajaan goyang, ada harapan lagi (nak tumbangkan kerajaan), kalau tak (berkata sebegitu), orang tinggallah parti itu.

“Kalau PAS lain la juga, dia ada walak, kalau BERSATU tak ada, sebab itu ahli Parlimen (mereka) menyeberang, dia kata (tuduh) kita bagi sogokan, tak ada, saya tak jumpa mereka pun sebelum mereka buat keputusan,” katanya.

WK



ANWAR ketika ucapan penggulungan pada Kongres Nasional PKR 2023 di PICC.

Dakwaan negatif ID Digital Nasional

PM laksana demi kebaikan

PENGUMUMAN kerajaan untuk memperkenalkan Identiti Digital Nasional (IDN) dilihat memudahkan keperluan khususnya yang membabitkan urusan dengan pihak kerajaan.

Ia dibangunkan bertujuan mewujudkan suatu platform pengesahan yang bakal dimanfaatkan sektor awam dan swasta dalam mengesahkan identiti pengguna semasa melakukan transaksi digital.

Bagi merealisasikannya, kerajaan akan menyalurkan peruntukan berjumlah RM80 juta untuk permulaan secepat mungkin dan akan ada peruntukan lain seperti yang dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.

"Pendaftaran ID Digital mesti dilaksana minggu depan. Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah dan ketua jabatan harus memulakan pendaftaran," ujar beliau ketika mengadakan lawatan ke MIMOS.

Namun, dalam keterujaan menerima platform baharu tersebut, lain pula yang berlaku apabila ada segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab mengandaikan ia adalah satu sistem untuk mengawal rakyat.

Maka, tidak sedikit pengguna di laman sosial mempercayai perkara tersebut. Bertebaranlah komen-komen yang meluahkan kebimbangan jika wang dan maklumat peribadi mereka lebih mudah digodam selepas ini.

Tidak terkecuali juga yang menyifatkan kerajaan pada hari ini zalim terhadap rakyat kerana mengawal segala tindak-tanduk mereka.

Sejurnya terlalu awal untuk sesiapa sahaja menghukum tanpa mengetahui terlebih dahulu secara terperinci fungsi IDN tersebut. Janganlah cepat menuah tanpa usul periksa. Wilayahku percaya kerajaan akan menerangkan dengan



IDN berfungsi dalam mengesahkan identiti pengguna semasa transaksi digital.

lebih terperinci tentang IDN sikit masa lagi.

PM turut menegaskan IDN tidak akan menggantikan penggunaan dan fungsi MyKad malah, ia adalah nilai tambah dalam memperkuuhkan pelaksanaan dan keselamatan MyKad sedia ada.

Jika kita lihat dalam persepsi yang lebih matang, beliau memandang jauh untuk memperkasakan penyelidikan sains dan teknologi negara selari dengan transformasi digital yang merupakan antara tonggak dalam pendekatan

negara MADANI.

Justeru, beliau meminta MIMOS menyediakan latihan dan kurikulum yang dikendali secara langsung oleh agensi tersebut atau kerjasama dengan universiti serta pusat penyelidikan lain.

Dalam masa yang sama, beliau berharap MIMOS dan universiti tempatan dapat mengenal pasti bidang yang perlu diberi latihan agar dapat mempersiapkan tenaga yang cukup terlatih sekali gus melonjakkan latihan antaranya dalam bidang digital dan teknologi kecerdasan buatan (AI). WK

Video disunting undang fitnah, Fahmi Fadzil fail saman?

COLDPLAY: "Alhamdulillah, berjalan dengan lancar" – Fahmi Fadzil.

Itu tajuk sebuah video yang tular dalam media sosial seolah-olah memberi pemahaman bahawa Menteri Komunikasi Digital, **Fahmi Fadzil** bersyukur konsert artis antarabangsa itu berjalan dengan lancar.


Bukan itu sahaja, kandungan dalam video tersebut turut disertakan grafik yang mengandungi wajah menteri itu berlatar belakangkan suasana konsert.

Video tersebut juga telah membuka banyak ruang netizen melemparkan kecaman terhadap Fahmi dikecam di laman sosial antaranya beliau dituduh tidak sensitif dengan penderitaan rakyat Palestin ketika ini.

Fahmi Fadzil berkata ia suatu fitnah dan tuduhan berniat jahat berkaitan penganjuran konsert kumpulan rock Coldplay, di Stadium Nasional Bukit Jalil, baru-baru ini.

Beliau berkata tuduhan dilemparkan individu itu adalah berdasarkan laporan media mengenai respons beliau berhubung penganjuran konsert berkenaan.

"Tuduhan itu bagi saya bersifat fitnah dan berniat jahat, sebenarnya lari daripada konteks apa yang saya sebut dan jawapan saya kepada seorang wartawan dan jawapan



LAUTAN manusia yang membanjiri konsert kumpulan rock Coldplay, di Stadium Nasional Bukit Jalil, baru-baru ini.

penuh saya boleh didapati di laman sesawang (laporan berita) itu.

"Saya akan minta peguam untuk meneliti semua pihak yang mengeluarkan grafik fitnah ini

dan kita akan ambil tindakan undang-undang terhadap mereka, ada pihak dengan motif

memesongkan fakta dari kenyataan saya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas berakhir Kongres Nasional Tahunan PKR 2023 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), baru-baru ini.

Diharapkan selepas ini, jangan pandang ringan tentang perkara yang boleh mendatangkan fitnah atau kebencian melampau kepada individu lain. Berhati-hatilah bila menulis, tak fasal-fasal kena saman.

Mengulas kebarangkalian polemik tercetus sebelum konsert memberi kesan buruk kepada usaha kerajaan menarik lebih ramai artis luar mengadakan konsert di Malaysia, Fahmi optimis perkara itu tidak akan berlaku.

"Selagi garis panduan jelas, tidak ada pembatalan pada saat akhir sebab ada perkara tidak dibincangkan awal.

"Saya tak rasa polemik ini memberi kesan. Tapi, saya percaya dengan kejayaan konsert Coldplay membuktikan bila ada dialog sihat, semua pihak faham tanggungjawab, mencari titik temu, saling memahami, berkompromi serta patuh kepada undang-undang, pasti tidak akan timbul sebarang isu."

"Lagipun, banyak konsert K-Pop datang ke Kuala Lumpur dalam tempoh beberapa minggu, jadi tak ada masalah," ujar beliau. WK

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

8-10/12/23: Sentuhan Bersama Kerajaan Malaysia Madani @ Perkarangan Stadium Nasional Bukit Jalil

31/10-31/12/23: Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi @ Muzium Negara

31/10-31/12/23: Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi @ Jabatan Muzium Malaysia

30/11-4/12/23: Sambutan Hari Batik Malaysia @ Kompleks Kraf Kuala Lumpur

10-31/12/23: Plant Success Story across climates @ Aquaria KLCC

PUTRAJAYA



2/12/23: KLSCCI Foodie Run 2023 @ Anjung Floria

8-9/12/23: Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden PPj 2023 @ Taman Wetland Putrajaya, Presint 13, Putrajaya

9/12/23: Putrajaya Green Light Run @ Anjung Floria

9-10/12/23: Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Kejurian Putrajaya 2023 @ Kompleks Kejurian Presint 11, Putrajaya

9-10/12/23: Game Development Fundamental Clinic@Pusat Pembelajaran Kejurian Presint11, Putrajaya

14-20/12/23: Orkid Putrajaya 2023 @ Taman Botani, Putrajaya

LABUAN



2/10-31/12/23: Pembaharuan lesen perniagaan 2024 @ Wisma Perbadanan Labuan

2-3/12/23: Labuan E-Sport Festival @ Persatuan Sukan Elektronik Labuan

9/12/23: Labuan Superhero 2023 Fun Run @ Padang Dataran Labuan

Malam Irama Warisan

Lagu tradisional pusaka bangsa



KAMARULZAMAN (tengah, berbaju batik) turut menyaksikan Konsert Malam Irama Warisan yang mengetengahkan lagu-lagu tradisional di Panggung Sari, Istana Budaya pada Sabtu.

HAZIRAH HALIM

IRAMA muzik tradisional merupakan antara genre muzik yang membantu memartabatkan kesenian dan kebudayaan warisan melayu tradisional zaman-berzaman. Irama muzik ini tidak lengkap jika hanya penyanyi sahaja yang melontarkan suara sebaliknya ia juga perlu digabungkan dengan alatan muzik tradisional seperti gendang, angklung, gambus, seruling dan sebagainya.

Meskipun irama muzik tradisional ini popular sekitar tahun 80-an dan 90-an, namun kini usaha pelbagai pihak tidak kira agensi kerajaan mahupun para penggiat seni tempatan untuk memartabatkan kembali industri irama muzik tradisional ini terus dipergiatkan.

Terbaru, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Unit Muzik, Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan DBKL menganjurkan Malam Irama Warisan (MIW) bertempat di Panggung Sari, Istana Budaya pada 25 November lalu.

Menerusi program ini, DBKL mengetengahkan lagu-lagu dan tarian lama warisan Melayu merangkumi irama lagu berentak asli, zapin, joget dan inang antaranya Bunga Tanjung, Songkok Mereng, Joget Gadis Melayu, Ketipang

Payung, Jalak Lenteng dan banyak lagi dengan sokongan 80 orang Orkestra Kuala Lumpur dan lima orang penyanyi iaitu Datuk Yusni Hamid, Syura, Dayang Nurfaizah, Bob Yusof dan Azizul Haqim.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh berkata konsert tersebut bagi menghargai lagu dan tarian lama warisan Melayu di samping merancakkan kembali industri irama muzik tradisional.

“Irama warisan merupakan pusaka bangsa yang perlu dikekalkan dan diwarisi oleh generasi akan datang. Lokasi Istana Budaya ini juga merupakan pengiktirafan DBKL terhadap irama warisan untuk mempersembahkan keunikan lagu-lagu muzik tradisional zaman-berzaman,” jelas beliau.

Sementara itu, **Dayang Nurfaizah** turut mengucapkan syabas dan tahniah di atas usaha DBKL mengetengahkan lagu-lagu irama tersebut selain dia turut teruja melihat kehadiran penonton generasi muda yang hadir.

“Lagu-lagu irama tradisional semakin mendapat sambutan terutama daripada orang muda. Mereka boleh menerima dan secara tidak langsung, ia sebenarnya memperluaskan pengetahuan mereka terhadap lagu-lagu lama yang belum pernah mereka dengar.

“Ini khazanah negara yang



DAYANG



SYURA

perlu dimartabatkan kerana ia mengingatkan tentang asal-usul seseorang. Mungkin bagi generasi lama yang mendengar ia akan mengimbau kenangan namun bagi generasi masa kini, ia satu pendedahan baharu,” katanya.

Tambah Dayang, peluang berkolaborasi bersama Orkestra DBKL di pentas Istana Budaya merupakan satu pengalaman yang cukup berharga dan berharap konsert seumpama itu akan diteruskan pada masa akan datang.

Bagi penyanyi, **Syura Badron** berharap industri muzik irama Melayu tradisional terus diketengahkan agar ia tidak lapuk ditelan zaman.

“Sebagai seorang penyanyi di dalam genre muzik ini, sudah pasti saya menantikan lebih ramai pelapis baru bukan sahaja dalam kalangan umur 30-an hingga 40-an malah seawal usia 10 tahun lagi ia perlu dipupuk melalui pendedahan ilmu di luar mahupun dalam sesi pembelajaran sekolah.

“Diharapkan bukan sahaja di sekolah-sekolah seni, masyarakat boleh menimba ilmu tentang irama tradisional ini tetapi mungkin sekolah di seluruh Malaysia juga perlu mewujudkan satu kursus untuk genre tersebut.

“Saya juga bangga dengan Dayang Nurfaizah yang menyanyikan lagu irama Malaysia walhal dia bukanlah bergenre tersebut. Dia wajar diberikan kredit kerana mengetengahkan semula lagu seperti Ketipang Payung di mana ramai yang tidak tahu wujudnya lagu tersebut suatu ketika dahulu,” katanya. **WK**

CERITA KEDAI KOPI

Kereta ‘lawan’ bas

BERAPKA ramai dalam kalangan pengguna jalan raya prihatin dan bertimbang rasa apabila memarkir kenderaan? Adakah meletakkannya di kawasan yang disediakan atau bersikap tidak peduli dengan memarkir sesuka hati sehingga menghalang pergerakan kenderaan lain?

Kawan-kawan Kedai Kopi timbulkan isu ini ekoran laporan media baru-baru ini mengenai sebuah kereta diletak di persimpangan sebatang jalan di Ampang sehingga pergerakan bas tersangkut.

Berdasarkan video tular, ruang laluan menjadi terlalu sempit, tidak cukup untuk badan bas yang besar dan panjang itu melepasinya walau dicuba beberapa kali.

Tiada cara lain, dan pemiliknya entah di mana, orang ramai bertindak mengangkat kereta tersebut untuk dialih ke tepi jalan bagi membolehkan bas tersebut melepaskan diri. Kereta tersebut kemudian ditunda oleh trak polis. Saman juga dikeluarkan.

Sikap pemandu kereta terlibat sangat keterlaluan, tidak memikirkan kesusaahan pengguna jalan yang lain. Bas adalah pengangkutan awam utama di ibu negara. Kerana itu ia harus dibiar bergerak selancar

mungkin ketika beroperasi.

Kawan-kawan Kedai Kopi sentiasa berhati-hati apabila meletakkan kenderaan agar tidak menyebabkan gangguan dan kepayahan kepada orang lain. Tetapi terdapat segelintir pemandu bersikap buruk, hanya mementingkan diri sendiri. Mereka tidak peduli di mana dan bagaimana meletak kenderaan.

Memang sepatutnya polis bertindak terhadap pemandu seperti ini untuk menjadi pengajaran kepada semua orang agar kejadian serupa tidak berulang. Ingat, jalan raya bukan milik individu. Kerana itu jangan jadikan ia seperti harta sendiri.

Belajarlah bersikap lebih bertanggungjawab. Fikirkan sama masalah orang lain. Dalam kes ini sudah cukup baik orang ramai hanya mengangkat dan mengilah kereta berkenaan. Bagaimana jika dalam keadaan geram dan marah, mereka merosakkan kenderaan tersebut?

Kerana itu fikir dengan teliti dan berkali-kali sebelum sesuka hati meletak kenderaan, tambahan di tempat yang tidak dibenarkan. Sikap kita adalah cerminan diri. Jangan sampai orang berkata nampak hebat memiliki kereta tetapi minda tidak hebat.

Usah ceroboh laluan

ORANG ramai yang menggunakan bas sebagai pengangkutan utama di Kuala Lumpur harus berasa lega kerana kini laluan khas bas diwujudkan kembali. Tujuannya untuk melancarkan pergerakan bas dalam kesesakan bertali arus di ibu kota, terutama pada waktu puncak.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi ini perkembangan baik memandangkan saban hari bas tersangkut di perjalanan, bersaing dengan kenderaan lain.

Kerana itu jadual perjalanan bas jarang menepati waktu, sama ada untuk sampai ke perhentian atau ke destinasi tujuan. Yang susah ialah penumpang.

Diharap dengan adanya laluan khas, masalah kelewatan dapat dikurangkan. Sewaktu laluan khas beroperasi menurut jadual ditetapkan, kenderaan lain tidak dibenar menggunakan laluan berkenaan kecuali teksi.

Mudah sahaja mengenali laluan khas. Sepanjang laluan dicat dengan garisan tebal berwarna kuning di lorong paling tepi kiri jalan. Di atas laluan itu ada tulisan ‘Bas dan Teksi Sahaja’. Papan elektronik juga memperkenalkan peringatan tersebut, selain maklumat waktu laluan beroperasi. Usah ceroboh garisan kuning ini.

Mungkin generasi lama masih ingat laluan khas bas pernah diwujudkan pada tahun 1990-an untuk bas Intrakota, syarikat yang mengambil alih perkhidmatan bas di ibu negara daripada pelbagai syarikat bas ketika itu.

Perkhidmatan bas syarikat Intrakota kemudian diambil alih Rapid KL pada 2004, yang kini merupakan syarikat pengendali bas terbesar di Lembah Klang.

Kawan-kawan Kedai Kopi menyambut baik usaha menggerakkan kembali laluan khas bas. Perkhidmatan bas perlu ditambah baik agar lebih efisien untuk menarik orang ramai menggunakan其nya, sejahtera dengan hasrat kerajaan menggalakkan mereka menggunakan pengangkutan awam.

Namun demi menjayakan matlamat ini, orang ramai mestи memberi kerjasama padu. Jangan masuki laluan bas. Kawan-kawan Kedai Kopi rimas apabila melihat sendiri banyak kenderaan tidak mempedulikan laluan ini dan memasukinya.

Diharap pihak berkuasa kerap memantau dan bertindak terhadap pemandu yang degil. Dalam kalangan pengguna jalan, pupuklah diri agar tidak hanya mematuhi peraturan apabila ada pengukuasaan.

Mengatasi masalah parkir di PPR, PA

BERKUNJUNGLAH ke kawasan kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA) di ibu kota. Pasti dapat dilihat banyak kenderaan di kawasan perumahan tersebut yang menandakan ramai penghuni PPR atau PA memiliki kenderaan. Malah ada yang memiliki lebih daripada satu.

Bagi Adi ini menunjukkan tanggapan bahawa penghuni di kediaman tersebut sebagai golongan kurang mampu adalah tidak tepat. Jika diteliti, kereta yang diparkir terdiri daripada pelbagai jenama dalam dan luar negara. Banyak di antaranya jenama popular yang mahal harganya. Bukankah ini melambangkan kemampuan warga PPR dan PA?

Namun satu pemandangan yang biasa dilihat ialah kenderaan di PPR dan PA diparkir dalam keadaan tidak tersusun, bersimpang-siar atau diparkir secara berlapis. Ini disebabkan jumlahnya banyak berbanding ruang parkir disediakan. Terpaksa kereta diletak berhimpit atau mencelah di mana ada ruang.

Kenderaan yang diparkir secara tidak tersusun atau berlapis tentunya menyusahkan penghuni untuk keluar masuk. Namun itu sudah menjadi kebiasaan serta menjadi cara hidup penghuni PPR dan PA. Adi percaya masing-masing sudah faham dan hadam dengan situasi ini.

Mereka juga sudah faham apa yang perlu dilakukan dalam situasi ini. Misalnya jika kenderaan berlapis menghalang laluan, kenderaan yang menghalang perlu melepaskan brek tangan. Gear diletakkan dalam mod *free* atau *neutral*. Jadi jika ada yang hendak keluar mudahlah menolak kenderaan yang menghalang sehingga laluan cukup luas untuk keluar.

Sememangnya ini satu tugas merimaskan, tambahan jika banyak kenderaan perlu ditolak. Tentu letih



JUMLAH kenderaan yang berlebihan di kawasan perumahan PPR/PA antara faktor berlakunya masalah parkir.

kalau menolak kereta seorang diri. Banyak tenaga habis, badan juga berpeluh. Namun itulah senario kehidupan sehari-hari yang perlu dihadapi.

Namun Adi bangga kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak berdiam diri terhadap isu ini. Untuk membantu mengatasi kemelut parkir, DBKL membina parkir bertingkat di PPR dan PA di ibu kota. Menurut DBKL ia membangunkan kemudahan 14 tempat letak kereta bertingkat untuk mengatasi masalah kekurangan parkir.

Antara kawasan yang mempunyai kemudahan itu ialah PPR Pekan, Kepong; PPR Jelatek, Titiwangsa; PPR Seri Pantai, Lembah Pantai dan PA Seri Sabah, Bandar Tun Razak. Di tempat lain juga bakal menyusul, ada yang dalam pembinaan.

Parkir bertingkat lebih praktikal untuk dilaksanakan kerana pembinaannya tidak perlu

mengambil tapak yang luas. Seperti juga pembinaan rumah pangsa atau kondominium, tidak mengambil ruang besar berbanding rumah di atas tanah atau '*landed property*'.

Menurut DBKL, sehingga tahun ini terdapat 67 kawasan PA dan PPR di 11 kawasan parlimen Kuala Lumpur. Sebanyak 61,534 unit parkir telah ditawarkan kepada penghuni.

Jumlah ini belum mencukupi berbanding nisbah penduduk. Namun bagi Adi ia sekurang-kurangnya membantu mengurangkan masalah. Faktor utama diambil kira dalam pembinaan parkir bertingkat ialah kepadatan penduduk serta keluasan tapak sedia ada.

Memandangkan ramai penghuni memiliki kenderaan, kapasiti parkir bertingkat tidak dapat memenuhi semua keperluan. Secara mudah ia tidak dapat menyediakan satu petak parkir bagi setiap penghuni, apatah lagi jika memiliki lebih daripada satu kenderaan.

Keadaannya tidak sama dengan kondominium yang menyediakan satu atau lebih petak parkir bagi setiap penghuni. Itu pun masih belum dapat menyelesaikan masalah jika pemilik unit kondo itu memilik tiga hingga empat kereta atau lebih. Kerana itu ramai yang parkir di jalan-jalan persekitaran kondominium. Akibatnya jalan pula jadi sesak.

Asas pembinaan parkir bertingkat ialah satu perempat, atau empat unit rumah PPR atau PA bersamaan sebuah kereta, daripada jumlah unit yang disediakan dalam sesuatu kawasan. Jumlah petak parkir yang disediakan keseluruhannya dalam lingkungan 80 hingga 300, bergantung kepada lokasi PPR dan

PA serta jumlah penghuni.

Apa kriteria digunakan oleh DBKL untuk membuat formula seperti ini? Terasnnya kembali kepada matlamat pembinaan PPR dan PA iaitu untuk memenuhi keperluan kediaman bagi golongan berpendapatan rendah.

Daripada situ, formula ditetapkan berdasarkan status penyewa yang terdiri daripada golongan miskin tegar, miskin dan miskin bandar. Disimpulkan, tidak ramai daripada golongan ini memiliki kenderaan. Mungkin ramai memiliki motosikal atau menggunakan pengangkutan awam.

Bagaimanapun menurut DBKL, arah aliran ini dilihat berubah sejak 2010 apabila jumlah kenderaan di kawasan PPR dan PA didapati naik mendadak. Punca utamanya ialah pertumbuhan generasi dalam sesuatu keluarga.

Sebagai contoh, pada peringkat awal mungkin ketua keluarga tidak memiliki kenderaan. Tetapi apabila anak-anak berjaya dalam pelajaran dan memperoleh jawatan yang bagus serta pendapatan tinggi, mereka membeli kenderaan. Pada Adi ini satu perkara biasa.

Mungkin dalam satu keluarga ada dua tiga orang yang membeli kenderaan dan mereka tetap tinggal bersama ibu bapa. Bagaimana jika banyak keluarga? Tentulah lebih banyak kenderaan. Maka sudah pasti petak parkir disediakan tidak cukup. Terpaksa juga parkir di kawasan sekeliling PPR dan PA yang juga tidak mencukupi.

Selain itu ada pula orang asing ramai menumpang parkir di PPR atau PA kerana mereka tidak ada tempat khusus untuk parkir. Lalu cara mudah ialah menumpang parkir di PPR dan PA kerana ia dianggap longgar dan tidak ada

penguatkuasaan. Siapa cepat dia dapat.

Kerana itu pelbagai jenis kenderaan dilihat diparkir termasuk bas dan van. Semuanya diletak sesuatu hati termasuk parkir berganda, menyusahkan pergerakan orang ramai serta menambah kesesakan.

Berdasarkan tinjauan media yang Adi baca, penduduk PPR dan PA setuju serta menyambut baik pembinaan parkir bertingkat. Mereka sudah letih dengan masalah yang dihadapi setiap hari. Bukan semakin berkang tetapi semakin bertambah sejarah dengan pertambahan kenderaan.

Secara keseluruhan, pertambahan kenderaan di ibu negara memang pantas, saban hari, minggu dan bulan banyak kenderaan baharu daftar. Pasti ada di antaranya milik penghuni PPR atau PA. Jadi bukan sahaja kawasan kediaman berkenaan sesak dengan kenderaan, malah jalan-jalan di ibu kota yang memang sering sesak bertambah sesak.

Namun Adi difahamkan, penghuni tidak mahu dikenakan bayaran jika kemudahan parkir disediakan. Dilaporkan ada penghuni di kawasan yang sudah ada parkir bertingkat tidak menggunakan kemudahan yang disediakan kerana tidak mahu dikenakan bayaran.

Pada Adi sikap begini tidak wajar. Kerajaan berbelanja untuk menyediakan kemudahan. Jika dikenakan sedikit bayaran memang munasabah kerana bayaran itu juga yang akan digunakan untuk perbelanjaan penjagaan dan menambah baik parkir berkenaan. Semua untuk kepentingan penghuni. Jadi janganlah terlalu berkira.

Adi — Bangga jadi warga kota

RAGAM KOTA

F#minor

PANTUN DISEMBIR

PINJAM SINGGIT PINJAM SINGGIT,
NAK BELI KACANG KUDA,
PEJAM CELIK PEJAM CELIK,
DISEMBIR DAH PUN TIBA...

MO SALAH MO SALAH,
LIVERPOOL PUNYA MESINGAN,
CUTI SEKOLAH CUTI SEKOLAH,
NANTI BOBOI KENA KHATAN...

SILA JAWAB ABAH...

OK TAKK?

TAK OK!

Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Adi —
Signature

KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

ADAKAH kerjaya wartawan diperlukan pada zaman ini? Demikian antara soalan yang pernah diajukan kepada saya selepas dunia kewartawanan melangkah era digital dan bercambahnya media sosial. Seolah-olah pemain di media sosial telah mengambil peranan wartawan di organisasi media.

Saya selalu meyakinkan bahawa wartawan tidak pernah hilang peranan atau ‘mati’ dalam masyarakat yang bertamadun. Maknanya kerjaya kewartawanan sentiasa diperlukan bagi dua tujuan; pertama memberi maklumat dan kedua, membentuk pemikiran masyarakat.

Perlu ditekankan juga bahawa wartawan tidak sahaja memberikan maklumat, sebaliknya menyaring sesuatu yang bermanfaat. Maklumat yang tepat tetapi tidak berfaedah tidak perlu dipanjangkan kepada masyarakat.

Bukankah semua maklumat itu bernilai? Jawabnya tidak. Tidak semua maklumat bernilai dan bermanfaat. Sebagai individu, kita mesti memilih maklumat yang bermanfaat. Sebagai wartawan pula, mesti menyaring supaya maklumat yang bertaraf sampah sarap tidak sampai kepada masyarakat.

Kewartawanan dan kerjaya wartawan tidak pernah memusuhi teknologi. Semua teknologi yang memudahkan kerja kewartawanan sentiasa diterima dan diamalkan. Ini termasuklah teknologi digital yang mendominasi hampir semua bidang kerjaya ketika ini.

Ada juga yang menganggap kewujudan wartawan hanya di surat khabar. Pada era industri persuratkhabaran yang menjunam ini, wartawan dianggap sudah hilang peranannya. Hakikatnya yang semakin hilang itu adalah surat khabar, bukan kewartawanan.

Suatu waktu dulu kewartawanan dilihat sangat sinonim dengan persuratkhabaran. Ketika itu wadah kewartawanan adalah surat khabar. Bagaimanapun kini industri persuratkhabaran berdepan dengan cabaran sengit dan edaran jatuh dengan drastik.

Berikutnya malapnya industri persuratkhabaran dan jualan surat khabar, sesetengah pihak menganggap kerjaya wartawan juga ikut terjejas dan menuju kepupusan.

Di Kuala Lumpur misalnya sudah tidak banyak gerai di tepi

Wartawan pada era digital



TELEFON pintar adalah alat penting untuk setiap wartawan bagi melaksanakan tugas walau di mana berada.

jalan yang menjual surat khabar. Kalau ada sekalipun surat khabar yang dijual tidak menimbun seperti sebelum ini – hanya jumlah naskhah yang terlalu sedikit.

Bagaimanapun industri persuratkhabaran dan kerjaya wartawan adalah dua perkara berbeza. Sekalipun ada hubung kait yang rapat antara kedua-duanya, industri yang menurun bukanlah isyarat akan pupusnya kerjaya wartawan. Buktinya kewartawanan kini sudah beralih ke wadah digital. Wartawan dan kewartawanan tetap seperti dulu mendirikan etika dan disiplin.

NEOJOURNALISM

SURAT khabar hanya salah satu wadah kewartawanan. Bagaimanapun selepas kehidupan kita menyeberang era digital, wadah kewartawanan pun turut berubah. Telefon pintar misalnya bukan lagi sebuah telefon, ia adalah alat bekerja yang menyediakan banyak kemudahan.

Apabila bermulanya Internet dan sekarang dengan teknologi digital, kerja wartawan tidak lagi menggunakan mesin taip. Dengan telefon pintar sudah boleh menulis berita atau rencana serta berada jauh dari pejabat. Wartawan boleh bekerja di mana-mana sahaja.

Perubahannya itu sangat besar dan menuntut wartawan menyesuaikan diri dengan budaya kerja yang baharu. Hal itu disebabkan wadahnya bukan sahaja surat khabar bercetak, tetapi juga surat khabar dalam talian. Berita cepat menjadi ‘basi’ pada era *neojournalism*.

Neojournalism merujuk pada kewartawanan era digital yang menuntut kemampuan pelbagai cabang. Bukan sahaja menulis malah mengambil gambar, video, menyunting dan membuat laporan di tempat kejadian, suatu yang tidak ada dalam kewartawanan tradisional.

Era digital memberikan kemudahan kepada wartawan membuat rujukan, hanya

menggunakan telefon pintar sebuah perpustakaan atau arkib berita ada di telapak tangan. Tidak perlu lagi berkurstung dalam perpustakaan dan menyelak helai demi helai keratan surat khabar yang penuh debu.

Ada yang berkata, wartawan tidak mampu menyiangi pemain-pemain media sosial yang lebih pantas menyebarkan tentang sesuatu perkara. Kemudian menjadi tular dalam masa yang singkat. Lalu, apakah perlunya wartawan?

Bagaimanapun sesetengah pihak terlupa bahawa pengaruh luar biasa media sosial dan kewartawanan adalah dua perkara berbeza. Disebabkan perbezaan itu, media sosial tidak pernah mampu mengambil alih tuntutan perlunya kewartawanan kepada masyarakat.

Malah media sosial bukanlah media yang dirujuk dalam konteks kewartawanan. Pemain media sosial pula bukan wartawan sekalipun ada pihak menggunakan istilah ‘citizen journalist.’ Tidak

wujud *citizen journalist* atau wartawan rakyat.

Wartawan mesti mendokong etika-etiqa dan disiplin tertentu yang tidak ada kepada pemain media sosial. Misalnya tentang ketepatan (akurasi) sesuatu maklumat menjadi keutamaan wartawan, tetapi tidak kepada banyak pemain media sosial.

Hal ini kerana kewartawanan itu sendiri tidak berdiri tanpa ciri-ciri khusus – wibawa, bertanggungjawab dan menjadi mata serta telinga kepada rakyat. Disebabkan ciri-ciri itulah media (wartawan dan kewartawanan) diangkat sebagai tunggak keempat (*fourth estate*) selepas judisiari, legislatif dan eksekutif di banyak negara maju.

LANDSKAP KERJA BAHARU

HANYA di negara kita media yang beroperasi di bawah payung organisasi berwibawa tidak dianggap tunggak keempat. Malah segelintir organisasi media secara sedar dan sengaja lebih selesa bawah naungan politik berbanding menjadi tunggak keempat yang berkhidmat kepada masyarakat.

Ketika ini sudah wujud banyak portal berita yang dikendalikan oleh pasukan editorial (editor dan wartawan) yang berwibawa. Mereka bekerja dalam landskap dan budaya kerja yang baharu, akan tetapi tidak berkompromi tentang sesuatu yang melanggar garis etika dan disiplin.

Sekalipun begitu media sosial mempunyai sisi penembusan tersendiri untuk sampai dan membentuk sikap dalam kalangan khalayak yang mencari sisi yang sensasi. Sebenarnya inilah ciri-ciri media sosial – membentuk gelombang pada sesuatu isu yang berlebar dalam masyarakat.

Menjadikan masyarakat yang celik media adalah tekad yang sangat penting dalam berdepan dengan lambakan maklumat. Maka yang mendokong tekad itu tidak lain adalah golongan wartawan yang secara konsisten mendirikan kewartawanan yang beretika dan berpihak pada kebenaran.

Isu berita palsu tidak mendapat tempat dalam masyarakat bertamadun dan celik media kerana ada kebijaksanaan dalam membezakan antara sensasi dan maklumat yang tepat serta bermanfaat. Di situ lah perihal pentingnya wartawan dalam membina masyarakat yang berkualiti dan bertamadun.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Program Semarak Siswa Madani

Martabat kembali seni warisan

HAZIRAH HALIM

PELBAGAI usaha dilakukan bagi memberi pendedahan tentang kesenian warisan negara dalam kalangan komuniti antaranya melalui Program Semarak Siswa Madani pada 25 dan 26 lalu.

Diadakan di Pusat Pemeriksaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM) Perumahan Awam Seri Tioman 1, Taman Melati, program bertemakan Kenali Warisan Budaya Kita itu menyediakan pelbagai aktiviti menarik khusus buat komuniti dan pelajar sekolah rendah menerusi kerjasama PREPKOM di Projek Perumahan Rakyat (PPR) berkenaan.



NURUL NAJIHAH



JASRONITA



IDA HARLINA (dua dari kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang peserta program.

Ia melibatkan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Sekretariat Kesukarelawanan dan Mobiliti, Majlis Perwakilan Kolej, Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee.

Pengarah Program, Nurul Najihah Zulkifli berkata kesenian warisan budaya Malaysia terdiri daripada pelbagai kategori dan program yang diadakan membantu memartabatkan kembali seni warisan tersebut.

"Pada pandangan saya, generasi tua mahupun muda masa kini sememangnya kurang didekah dengan aspek seni budaya negara misalnya dari segi tarian, makanan, pakaian, kraf tangan dan sebagainya.

"Program seumpama ini tidak hanya memberi manfaat kepada komuniti di PPR malah ia juga memberi peluang kepada pelajar-pelajar UPM khususnya daripada Sekretariat Sukarelawan untuk mendekatkan diri serta

mengeratkan hubungan silaturahim bersama masyarakat.

"Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada PREPKOM YWP Cawangan Seri Tioman 1, di atas peluang yang diberikan kepada kami dan diharapkan agar kerjasama baik ini akan berterusan untuk program-program yang akan datang," jelas pelajar tahun dua Ijazah Sarjana Muda Sains Dietetik (Kepujian) ini.

Antara aktiviti yang diadakan adalah tarian asas inang, sukaneka, gotong-royong, pameran, jualan dan aktiviti mencanting batik, mewarna dan kraf tangan bersama anak-anak sekolah rendah di PPR.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan merangkap Pengetua Kolej Tan Sri Mustaffa Bebjee, Profesor Madya Dr Jasronita Jasni bangga dengan usaha yang ditampilkan setiap pelajar kolej berkenaan.

"Semoga jaringan kolaborasi di antara UPM, PREPKOM dan YWP ini akan berterusan agar kita dapat melaksanakan pelbagai lagi program khusus buat masyarakat," katanya.

Terdahulu, program tersebut

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Jabatan Agama Islam KL
03-2274 9333

Jabatan Agama Islam Putrajaya
03-8884 2600

Jabatan Agama Islam Labuan
087-415 311

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

turut mendapat kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Surau Darussalam dan Kelab Wanita Perkasa Sri Tioman 1.

Ia dirasmikan oleh Timbalan Pengurus Besar Jabatan Komuniti, Komunikasi Strategik dan IT YWP, Datuk Dr Ida Harlina Ikhwan Nasir dan diiringi Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Seri Tioman 1, Yusoff Khan Guldad. **WK**

JWP seru peserta Pasport 50WP patuh peraturan



SABRINA SABRE

JABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) mengingatkan peserta Pasport 50WP untuk mematuhi setiap terma dan syarat ditetapkan pihak pengajur termasuk panduan bergambar yang diberikan.

Menurut JWP, ia bagi membolehkan peserta melaksanakan setiap misi penggembalaan di setiap lokasi dengan sempurna.

"Peserta perlu mengambil gambar atau selfie di checkpoint-checkpoint penting yang mana background belakang gambar mestil sama dan mematuhi panduan bergambar."

"Mereka boleh dapatkan panduan bergambar di dalam Facebook atau laman sesawang JWP di www.jwp.gov.my. Peserta perlu mematuhi setiap terma dan syarat yang diberikan untuk berpeluang memenangi cabaran ini," katanya dalam satu kenyataan di Facebook.

Dalam masa sama, JWP juga memaklumkan pengajur berhak untuk membatalkan penyertaan peserta yang melanggar mana-mana terma dan syarat bertulis.

"Pengajur tidak berobligasi untuk mengemukakan apa-apa sebab dan tiada sebarang surat-menyerat atau



rayuan untuk mempertikaikan keputusan yang telah dibuat oleh pengajur.

"Untuk maklumat lanjut berkenaan program ini, peserta boleh layari laman rasmi media sosial dan laman sesawang JWP atau menghubungi pihak urus setia melalui emel di pasport50wp@jwp.gov.my serta hotline di talian 010-264 8230/010-264 8258/010-264 8209," katanya setiap peserta hanya dibenarkan untuk menghantar satu penyertaan.

Terdahulu, Program Pasport 50WP dilaksanakan bagi meraikan kegemilangan 50 tahun Wilayah Persekutuan sambil menjelajah, menikmati keindahan, keunikan serta kepelbagaiannya di Wilayah Persekutuan yang menjadi kebanggaan semua.

Program ini juga menggalakkan rakyat Malaysia untuk mengenal lebih mendalam tentang sejarah dan warisan Wilayah Persekutuan selain memupuk rasa sayang dan sense of belonging dalam kalangan rakyat.

Warga negeri lain juga dialu-alukan untuk menyertai Pasport 50WP dengan persiapan untuk menerokai terus Wilayah Persekutuan bersama keluarga atau rakan-rakan setelah mengambil Pasport 50WP tersebut di mana-mana pickup point di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. **WK**



Diskaun 40% buat penjawat awam, pesara kerajaan

BERITA baik buat kakitangan dan pesara kerajaan, Menara Kuala Lumpur menawarkan diskaun sebanyak 40 peratus (%) khusus untuk golongan berkenaan bagi tiket masuk bermula 10 November 2023.

Menara Kuala Lumpur berkata tawaran tersebut merupakan tanda penghargaan dan terima kasih pihaknya kepada penjawat awam yang telah memberikan sumbangan dan khidmat yang besar kepada masyarakat dan negara.

"Tawaran tersebut berupa tiket masuk ke tarikan yang terdapat di Menara Kuala Lumpur seperti Sky Deck, Observation Deck dan Tower Walk 100. Diskaun sebanyak 40%. Sebagai contoh harga asal bagi Sky Deck adalah RM71 namun selepas diskaun, mereka hanya perlu membayar RM43 sahaja.

"Observation Deck dengan harga serendah RM18 manakala Tower Walk 100 serendah RM9 sahaja. Ia merupakan satu tawaran yang menarik

buat mereka yang ingin mengunjungi Menara Kuala Lumpur sekarang," katanya menerusi satu kenyataan media.

Tambahnya, para pengunjung diwajibkan untuk membawa bersama Kad Pekerja atau Kad Pesara yang sah ketika pembelian tiket tersebut di kaunter tiket.

"Untuk maklumat lanjut mengenai sebarang promosi dan aktiviti Menara Kuala Lumpur, boleh layari media sosial rasmi kami di Instagram (@menarakl), Facebook (@officialmenarakl) dan TikTok (@menarakl) atau boleh hubungi Unit Khidmat Pelanggan Menara Kuala Lumpur di talian **03-2020 5421**," ujarnya.

Selain tarikan yang dinyatakan, orang ramai juga boleh bergambar di kotak kaca, Sky Box di mana anda akan kelihatan seperti terapung di awang-awang dan anda juga boleh memilih sama ada ingin bergambar berlatarbelakang Kuala Lumpur City Centre (KLCC) atau dengan pemandangan Kuala Lumpur. **WK**

WILAYAHKU
MEDIA WARGA KOTA
Bil 239. 1-7 DISEMBER 2023

Jam anak Melayu mendunia

►► 10



Lebih 40 tahun bersahabat mesin masa

ZAINAL (kanan) dan Fitri menunjukkan koleksi eksklusif yang habis dijual.



Foto: SYUQQREE DAIN
AMIN FARIJ HASAN

JAM ini ibarat nyawa, 24 jam berputar tanpa henti. Seperti kehidupan kita juga. Falsafah kehidupan ini membuatkan jam begitu dekat dengan saya. Sebab itu saya memang meminati dunia jam semenjak kecil sehingga sekarang," kata Pengasas Fateh Watches, **Zainal Mohd Ali**.

Fateh Watches adalah jenama jam pertama keluaran anak tempatan yang telah menerima 'Malaysia Good Design Award 2022' yang diiktiraf oleh Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM).

Memulakan karier sebagai

jurutera mekanikal, Zainal mengembangkan karier profesionalnya dalam bidang pembuatan jam selepas mendapat peluang bekerja di Switzerland pada tahun 1974. Selepas lebih 40 tahun pengalaman dalam industri pembuatan jam, beliau nekad untuk memulakan perniagaan mesin masa itu dengan jenamanya sendiri, Fateh Watches.

Mengakui banyak kesilapan telah dilakukan dan bukan mudah untuk memperkenalkan jam dengan jenama sendiri, Zainal tidak sesekali berputus asa. Malah beliau sentiasa menguatkan semangat dan belajar daripada pengalaman lalu untuk terus memastikan

legasi yang diasaskannya dapat berkembang seperti apa yang ada pada hari ini.

"Saya sangat bersyukur kerana segala usaha ini turut dibantu oleh anak lelaki saya, Fitri Zainal. Jenama Fateh ini juga adalah ilham daripada beliau sebagai memperingati Kemahsyuran Sultan Muhammad Al-Fatih yang berjaya menakluk Kota Konstantinopolis ketika usia 21 tahun," beritahunya kepada *Wilayahku*.

Menariknya demi menjaga eksklusiviti, hanya 300 utas jam tangan dihasilkan bagi sesebuah rekaan yang dijual pada harga RM500 hingga RM3,500.

Bercerita lanjut mengenai

pengalamannya yang pernah bekerja di Utara Switzerland, Malaysia dan China, Zainal berkata disiplin adalah perkara utama untuk menghasilkan sebuah jenama jam yang berkualiti dan menepati piawaian industri pembuatan jam antarabangsa.

"Kita harus mengikuti disiplin dan cara kerja orang Switzerland serta budaya kerja warga Jerman yang sangat fokus, kreatif, teliti dan sangat proaktif dengan apa yang mereka lakukan.

"Dan inilah yang saya amalkan untuk mencipta legasi pembuatan jam sehingga mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Malaysia.

"Di samping itu, saya berharap agar suatu hari nanti impian untuk membuka sebuah kilang pembuatan jam Fateh Watches menjadi kenyataan dan ingin menghantar mahasiswa kita dalam bidang kejuruteraan mikro ke luar negara bagi menimba pengalaman seperti mana yang saya alui dahulu," katanya.

Pembaca boleh menonton video temu ramah penuh dengan mengimbas kod QR yang disediakan.

Kepada pembaca yang mempunyai kisah dan hobi yang menarik dan ingin berkongsi dengan kami, sila e-mel unitphotowilayahku@gmail.com. **WK**



ZAINAL dan Fitri bersama trofi dan sijil pengiktirafan oleh MRM.

SETIAP rekaan Fateh Watches disimpan untuk didokumentasikan sebagai sejarah.

Hijrah daripada belenggu miskin mutlak

DR SAMSUL FARID SAMSUDDIN

BERDASARKAN statistik Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih), sejumlah 118,217 ketua isi rumah (KIR) miskin tegar telah direkodkan di seluruh negara. Ini disahkan daripada rekod pendaftaran di dalam sistem eKasih dan golongan ini diklasifikasikan sebagai golongan miskin dan miskin tegar. Turut direkodkan di dalam sistem ini, adalah peringkat umur mereka berada di antara 15 hingga 60 tahun.

Merujuk daripada data yang diperolehi, umur semuda 15 tahun telah diberikan status miskin dan miskin tegar. Ternyata golongan umur muda seperti ini mewarisi status kemiskinan daripada keluarga mereka sendiri. Sekiranya komuniti ini tidak ada inisiatif atau tidak dapat keluar daripada lingkungan miskin tegar, secara automatik generasi penyambung akan mewarisi status ini dan berlanjut ke generasi seterusnya. Namun, di sebalik mewarisi status miskin tegar daripada ibu bapa, anak-anak muda ini seharusnya mempunyai keinginan untuk keluar daripada status miskin tegar. Mereka mempunyai pilihan sendiri sama ada ingin terus kekal ataupun berusaha untuk keluar daripada status kemiskinan.

Status miskin tegar dan miskin mutlak diukur menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). PGK ini merujuk kepada jumlah pendapatan bulanan isi rumah yang diperlukan untuk memenuhi keperluan optimum minimum makanan dan bukan makanan bagi membolehkan setiap ahli isi rumah menjalani kehidupan yang sihat dan aktif. Definisi miskin tegar merujuk kepada nilai PGK pada tahun 2022 yang dinyatakan oleh Ketua Perangkawatan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin adalah kurang RM1,198 manakala miskin mutlak ialah pendapatan kurang



BERHIJRAH daripada kondisi keluarga miskin tegar kepada lebih stabil sesuatu yang mudah.

daripada RM2,589. Ia berdasarkan survei pendapatan, perbelanjaan isi rumah dan kemudahan asas yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) lima kali setahun.

Jumlah miskin tegar pada hari ini saban hari terus meningkat terutama sekali di kawasan-kawasan bandar, di mana taraf hidup mereka lebih tinggi berbanding di kawasan luar bandar. Komuniti miskin tegar bandar ini juga terpaksa menghadapi dan menanggung nilai perbelanjaan harian yang tinggi seperti kos tempat tinggal, kos makanan dan kos ke tempat kerja demi kelangsungan hidup mereka.

Sebagai contoh, untuk mereka keluar bekerja menggunakan motosikal pada setiap hari sekurang-kurangnya mereka memerlukan modal RM5 untuk mengisi minyak petrol dan RM20 untuk makan. Membawa jumlah keseluruhan modal harian sebanyak RM550 selama 22 hari bekerja dalam sebulan. Jika pendapatan bulanan yang diperolehi adalah RM1,200, ia hanya berbaki RM650 sahaja untuk

perbelanjaan selebihnya seperti bayaran sewa rumah, bil telefon, Internet, elektrik, air dan keperluan peribadi yang lain. Belum dikira lagi perbelanjaan semasa hari tidak bekerja (Sabtu dan Ahad) atau keluar bercuti sekali sekala. Sekiranya pendapatan bulanan yang diperolehi tidak dirancang dengan baik, modal harian untuk ke tempat kerja pun tidak akan mencukupi. Ini akan menjadikan kehadiran mereka ke tempat kerja yang tujuannya adalah demi untuk mendapatkan gaji bulanan tersebut.

Signifikan dengan kenaikan harga barang keperluan asas seperti beras, telur dan gula secara tidak langsung memerlukan setiap individu mempersiapkan diri mereka dengan ilmu dan kemahiran dalam pengurusan kewangan. Celik kewangan atau kini lebih dikenali sebagai literasi kewangan mampu membantu seseorang individu yang berstatus miskin tegar keluar daripada lingkungan miskin tegar. Sekiranya pada peringkat sekolah menengah pendedahan kepada literasi kewangan ini diterapkan

kepada pelajar, mereka lebih bersedia untuk menghadapi dunia sebenar dalam merancang kewangan mereka pada masa akan datang. Nilai tambah yang boleh dibawa oleh pelajar ini juga mampu membantu keluarga mereka yang berstatus miskin tegar untuk merancang dengan lebih baik atau sekurang-kurangnya mempunyai kesedaran.

Untuk berhijrah daripada kondisi sebuah keluarga yang berstatus miskin tegar ini kepada status yang lebih stabil diakui bukanlah sesuatu yang mudah. Namun, dengan pelbagai pilihan kerja yang ada pada masa kini dan pelbagai usaha serta langkah intervensi daripada pihak kerajaan yang telah dinyatakan, ia tidaklah mustahil. Dengan harapan, masyarakat lebih bersedia dan dilengkapi dengan sokongan asas yang kuat seterusnya dapat keluar daripada zon miskin tegar dan menyumbang kembali kepada masyarakat setempat.

Walau bagaimanapun, setiap inisiatif yang disediakan oleh kerajaan ini adalah merupakan peluang, ia tetap bergantung kepada

pilihan dalam membuat keputusan. Pilihan kerja yang lebih baik ke arah kerja berpendapatan tinggi juga merupakan satu pilihan. Perbezaan motivasi diri yang kuat dalam keinginan untuk mencapai atau mendapatkan sesuatu yang boleh mengeluarkan golongan ini daripada status miskin tegar, menjadi faktor ukuran kejayaan transformasi sesebuah komuniti. Tetapi, sekiranya mereka berasa selesa dengan gaya hidup semasa iaitu dengan terus bergantung hidup kepada subsidi kerajaan dan ihsan sumbangan daripada masyarakat, kitaran hidup miskin tegar ini akan berterusan diwarisi dari generasi ke generasi.

Semuanya perlu bermula dari rumah, di mana peranan dan tanggungjawab ibu bapa perlu dimainkan dengan baik dan betul.

Pentingnya kesedaran terhadap asas pendidikan awal di peringkat sekolah seperti kemahiran membaca, menulis dan mengira, kemahiran literasi maklumat dalam aspek kewangan juga penting kepada setiap individu kerana ia boleh membantu seseorang dalam membuat penilaian seterusnya membuat keputusan dengan lebih baik.

Selain itu, kemahiran bekerja seperti asas pengendalian komputer dan kemahiran teknikal berkaitan TVET juga akan menjamin kebolehpasaran dalam mendapatkan pekerjaan bagi generasi muda dalam keluarga miskin tegar.

Tidak lupa, aspek modal insan juga menjadi harapan untuk diterapkan kepada golongan ini pada peringkat awal lagi. Ia boleh membentuk peribadi individu yang berperibadi tinggi dan menjadi faktor dorongan untuk mengubah masa depan mereka sendiri ke tahap yang lebih baik.

PENULIS merupakan Timbalan Pengarah, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz (UAC), Universiti Malaya.

PENGIKLANAN AKHBAR

MUKA PENUH 26 cm X 32 cm RM7,500	SEPARUH MUKA 26 cm X 16 cm RM5,500
---	---

SUKU MUKA 13 cm X 16 cm RM4,500	PANEL BAWAH 26 cm X 6 cm RM4,500
--	---

PENGIKLANAN DIGITAL

BANNER ATAS RM3,000
D'Anjung Selera Madani borang baharu, lebih selesa dan kondusi
BANNER TENGAH RM2,500
D'Anjung Selera Madani borang baharu, lebih selesa dan kondusi
BANNER TEPI RM2,500
D'Anjung Selera Madani borang baharu, lebih selesa dan kondusi

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu
di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya



Apai si pakar bedah Hot Wheels



Video: HASIF HALIMI
SYUQQREE DAIN

BERMULA dengan mengumpul kereta permainan jenama *Hot Wheels* berskala 1:64 telah memberi ilham kepada peminat tegar ini untuk mengubah suai koleksi itu supaya kelihatan lebih unik sekali gus menjadi salah satu sumber pendapatannya.

Menyediakan servis *custom* atau ubah suai *Hot Wheels*, menjual *diecast*, *diorama* dan *display rack*

sejak tahun 2015, **Hafeez Ramli**, 38, atau lebih dikenali sebagai Apai telah menjual lebih 10,000 buah *diecast* manakala lebih 1,000 model kereta telah diubah suai selama lapan tahun di dalam bidang ini.

Terletak di Bangi Street Mall, Seksyen 15, Kedai Bisik Tepi Diecast Shop menjual beberapa model kereta seperti *Japanese Domestic Market (JDM)*, *Continental Supercar*, *Muscle Car*, *Diorama* dan tidak terkecuali *diecast* daripada filem-filem terkenal seperti *Fast & Furious*, *Batman*, *Barbie* dan lain-lain.

Antara servis *custom* yang

disediakan antaranya ialah penukaran cat, penambahan *livery*, penukaran tayar dan merendah ketinggian asal kereta dengan harga bermula serendah RM5 hingga RM90 bergantung kepada jenis pengubahsuaian.

Sesebuah *diecast* yang telah diubah suai mempunyai nilai yang sangat tinggi dan peminatnya tersendiri di mana kebiasaannya pemilik ini menginginkan kelainan pada model kereta milik mereka yang tidak berada di pasaran. Ikuti temu bual penuh *Wilayahku* menerusi kod QR yang disediakan.

WK





TERDAPAT pelbagai kategori dan tema kereta yang dijual di Bisik Tepi Diecast Shop.





Therapeucake.co terus diburu ramai



DIANA AMIR

BERMODALKAN RM80, kini Therapeucake.co yang dibuka tiga tahun lalu semakin dikenali ramai kerana kelazatan dan keunikan kek yang diperkenalkan.

Berkongsi permulaan menapak dalam bisnes tersebut, pemiliknya **Farah Nurul Asyikin**,

28, berkata idea tersebut bermula ketika negara dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Ketika pandemik, saya dalam fasa mencari kerja, waktu itu juga saya lihat trend jualan makanan dalam talian melonjak memandangkan ketika itu rakyat hanya duduk di rumah. Dalam masa yang sama, tular di laman sosial pencuci mulut *tom and jerry cheesecake*.

"Dari situ, saya dapat idea untuk menghasilkan kek tersebut dan tidak sangka ramai yang suka. Selepas setahun barulah saya mempelbagaikan perisa lain," ujarnya resipi hanya dipelajari melalui laman YouTube dan



FARAH NURUL

ditambah baik mengikut cita rasa sendiri.

Kini, selain *tom and jerry*, Therapeucake.co menawarkan pelbagai perisa kek antaranya *ice cream cheesecake*, *cakesicles*, bunga cupcakes dan *butter cookies*.

"Pembeli boleh memilih rekaan yang mereka suka sementara dalam masa yang sama kita juga mengeluarkan rekaan sendiri. Di sini produk yang dikeluarkan hanya berdasarkan tempahan bagi mengelakkan kek tidak segar dan *alhamdulillah* setakat ini permintaan pelanggan kita dapat penuhi," ujarnya turut meluangkan masa mengikuti kelas asas pembuatan kek.

Bercerita tentang keunikan kek yang terdapat di Therapeucake.

co, Farah berkata rekaan yang dikeluarkan lain daripada lain ditambah pula dengan warnanya yang berwarna-warni membuatkan pelanggan tertarik untuk membeli.

SANGGUP BAYAR LEBIH

BERPUSAT di Ampang namun pelanggannya ada yang datang dari

luar kawasan antaranya Dengkil dan Semenyih. Malah, mereka tidak kisah untuk membayar kos penghantaran sehingga RM80 semata-mata untuk mendapatkan air tangan Farah.

"Itu merupakan satu penghargaan yang tidak ternilai buat saya. Sokongan daripada pelanggan juga membuatkan saya terus bertahan sehingga ke hari ini."

"Selain itu, untuk memperkuuhkan lagi perniagaan, saya kini baru sahaja membuka *baking studio* sendiri di kawasan deretan kedai di kawasan Ampang sekali gus ia merupakan antara kejayaan bagi diri saya," jelasnya harga kek yang ditawarkan bermula serendah RM3 sehingga RM160 ke atas. **WK**



Sk Fabric Printing tudung eksklusif, harga mampu milik

GENAP lima tahun dalam bidang perniagaan tudung, kini Sk Fabric Printing mampu bersaing dengan jenama popular di luar sana. Malah pendapatan jualan sebulan juga mencecah dua angka.

Pemiliknya **Nur Alyani Che Yeop**, 29, berkata demi memastikan tudung jenamanya terus mendapat permintaan, kelainan perlu ditampilkan di mana corak yang dihasilkan adalah terhad.

"Kita menjual tudung *custom* mengikut corak yang diingini pembeli untuk diletakkan pada tudung mereka. Ia bertepatan dengan *tagline* kami, Eksklusif Itu Satu."

"Selain tu, tudung tersebut juga didatangkan dengan kotak khas untuk kelihatan eksklusif dan mewah sekali gus sesuai dijadikan sebagai hadiah. Namun apa yang menarik, ia mampu milik supaya setiap golongan dapat bergaya," ujarnya harga bagi tudung bawal adalah RM79 manakala selendang pula RM89.

Berkongsi lanjut berkenaan perkhidmatannya, Nur Alyani berkata selain tudung, dia turut mengambil tempahan cetakan fabrik lain seperti kain elas, bendera dan sebagainya.

"Setakat ini, kami mendapat respons yang baik daripada pelanggan yang rata-ratanya gembira dapat melihat rekaan yang diinginkan dicetak pada tudung selain taburan swarovski mengikut permintaan," ujarnya yang juga merupakan alumni Program Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) anjuran Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) pada tahun 2019.


Bercerita lanjut tentang perjalanan perniagaannya, Nur Alyani berkata ia bermula sejak tahun 2018 di mana ketika itu dia baru sahaja menamatkan pengajian dan perlu menjaga ayah yang sakit.

"Ketika itu abang beri idea untuk belajar lukisan grafik serta *Adobe Illustrator* bagi membuat corak tudung. Waktu itu, tidak ramai yang menawarkan perkhidmatan *custom* tudung jadi saya yakin dengan idea tersebut."

"Dengan hanya bermodalkan sebuah komputer riba dan telefon kini saya tidak menyangka boleh pergi jauh. Walaupun begitu, dalam bidang perniagaan pasti ada cabaran antaranya perombahan syarikat percetakan selepas pandemik. Namun, saya anggap ia adalah saingan yang sihat," ujarnya yang menerima tempahan di luar jangkaan apabila tiba musim perayaan dan sebagainya.

Memandang jauh ke hadapan, Sk Fabric Printing merancang untuk membuka kilang bagi melancarkan operasi dan urusan produksi supaya dapat bersaing ke peringkat lebih tinggi.

"Selain itu, kita akan membeli beberapa buah mesin lagi antaranya mesin cetakan, mesin jahit dan lain-lain di samping mempelbagaikan perkhidmatan baru seperti hadiah korporat, baju dan banyak lagi," ujarnya yang ingin membina jenama Sk Fabric Printing di Putrajaya. **WK**



Tiga lokasi tumpuan untuk diterokai



DIANA AMIR

PUTRAJAYA merupakan sebuah bandar terancang yang dibina pada tahun 1995 bagi menggantikan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran kerajaan Malaysia. Siapa sangka, dahulu ia merupakan ladang kelapa sawit namun kini bertukar wajah menjadi destinasi pelancongan popular.

Dalam masa yang sama, Perbadanan Putrajaya (PPj) juga tidak putus-putus menambah baik dari segi infrastruktur serta mempelbagaikan lokasi menarik bagi menjadikan Putrajaya sebagai destinasi ekopelancongan utama keluarga. Bagi edisi kali ini, *Wilayahku* senaraikan tiga lokasi hot spot untuk dikunjungi. **WK**



LEBAH KELULUT

TERLETAK di dalam kawasan Taman Botani Putrajaya, Laman Kelulut ini merupakan lokasi dan taman botani pertama yang memperkenalkan koleksi lebah kelulut (meliponini) dengan keluasan 2.51 ekar.

Mempunyai lebih 121 koloni lebah kelulut terdiri daripada lapan spesies, pengunjung berpeluang melakukan lawatan berpandu, menuai dan merasai madu kelulut segar dari sarang termasuk melihat dengan lebih dekat serangga tersebut.

Selain Laman Kelulut Taman Botani, terdapat tiga lagi kebun kelulut yang aktif diusahakan oleh Komuniti Putrajaya iaitu di Presint 9, Presint 15 dan Presint 16.



WETLAND STUDIOS

BARU-BARU ini, Wetland Studios Putrajaya membuka satu lagi tarikan iaitu Deep Sea Treasures yang terbahagi kepada tiga zon pameran iaitu *Marine Monsters*, *Sam's Water World* dan *Ocean Jewels* di mana pengunjung dapat menyelami khazanah serta mendalami ilmu mengenai spesies lautan yang menakjubkan.

Pengunjung juga berpeluang merasai pengalaman *immersive* di bahagian *Ocean Jewels* di mana ruangan ini dikelilingi *jellyfish* dengan konsep bercahaya yang pastinya akan menarik pengunjung untuk berswafoto.

Antara 15 zon pameran lain adalah *Stegodon's Big Break*, *Jungle Jive*, *Flamingo Parade*, *SkyDreamsVR*, *EduPlay Center*, *Insectopia*, *Dinasaur Encounter* dan banyak lagi.

Harga bagi setiap kemasukan bermula RM15 sehingga RM30 bagi dewasa dan kanak-kanak warganegara Malaysia manakala bagi pelancong luar negara adalah bermula RM20 sehingga RM45.



Jalan Kandang Kuda, Presint 5, 62000, Putrajaya

Isnin (tutup) Selasa hingga Ahad (8.30 pagi hingga 10.30 pagi) (4.30 hingga 6.30 petang)



TAMAN EKUESTRIAN

BAGI warga Putrajaya atau yang tinggal berdekatan anda boleh mengunjungi Taman Ekuestrian Putrajaya (TEP) yang terletak di Presint 5 bagi merasai pengalaman rekreasi berkuda.

Orang ramai boleh melakukan aktiviti *joyride* di mana mereka boleh mengelilingi kandang dengan menaiki kuda. Selain itu, *stable tour* juga turut diadakan bagi membolehkan merasai pengalaman memberi makan serta cara penjagaan kuda dengan harga serendah RM20 seorang pada hari bekerja manakala RM25 seorang pada Sabtu dan Ahad. Sesi fotografi dan kelas secara peribadi turut ditawarkan buat mereka yang berminat.



4 menu 'ketagih' hujung minggu



Foto: SYUQQREE DAIN

HAZIRAH HALIM

HUJUNG minggu merupakan waktu yang ditunggu-tunggu untuk merehatkan badan setelah penat bekerja sehari. Ia juga merupakan saat untuk menghabiskan masa terluang bersama keluarga tersayang.

Malah, biasanya waktu ini juga ramai yang mengambil kesempatan untuk menikmati makanan enak di luar tanpa perlu bersusah payah untuk memasak dan sebagainya.

Untuk itu, *Wilayahku* menyenaraikan beberapa pilihan gerai dengan menu yang menarik di sekitar anda yang tentunya lazat dan pastinya murah. Apa tunggu lagi, jom kita serbu! WK

SANDWIC DAGING BALADO

MENU sandwic ringkas biasanya mengetengahkan tuna sebagai inti. Namun menariknya, bagi gerai Roti Si Jalan yang terletak di Putrajaya ini ia mempertaruhkan pelbagai inti unik berdasarkan resipi tradisional Melayu seperti daging balado, ayam kentang kari, tuna mayo, crabstick mayo dan telur mayo.

Uniknya, Roti Si Jalan ini mengolah menu pasta balado menjadi inti sandwic selain menggunakan kroisan sebagai roti dan pelbagai pilihan roti lain seperti bun, roti john dan roti arab secara ala carte (RM5) atau set (RM15).

Pelanggan juga boleh menambah dua menu sampingan berbeza iaitu potato, salad, salted corn, pasta salad, aglio olio, mac and cheese serta fruit salad.



ROTI SOSEJ SOBER



SAUSAGE On Bun Exquisite Recipe atau nama singkatannya Sober Bites merupakan antara yang menjadi buruan pelanggan khususnya di sekitar Setiawangsa, Kuala Lumpur.

Ia memperkenalkan enam variasi menu roti sosej menggunakan artisanal sosej dan sarung sosej semula jadi daripada usus kambing yang diisi dengan daging kambing, lembu atau ayam bersama campuran rempah ratus.

Antara menu yang terdapat di Sober Bites adalah roti sosej sambal, eggy, cheesy, streaky dan padkrapao dan dijual dengan harga bermula RM9 hingga RM17.



AYAM GORENG BERHANTU

BUAT penggemar ayam goreng, jangan ketinggalan mendapatkan menu yang menyelerakan ditambah dengan sos cheese atau sos korea buatan sendiri ini serendah RM1.50 sahaja.

Tidak hanya mendapat sambutan daripada penduduk sekitar ia juga turut menjadi tumpuan pelancong asing. Keistimewaananya pernah membuatkan menu ini tular di TikTok.

Selain ayam goreng biasa, ia turut menyediakan kombinasi ayam cheese dan korea iaitu ayam mix cheese + korean, ayam cheese beserta ramen dan ayam korean beserta ramen bermula dengan harga RM13.




NASI BRIYANI KUKUS PADU




NASI Briyani Kukus Padu yang dimasak secara kukus ini mendapat perhatian ramai terutama pengguna di laman TikTok satu ketika dahulu kerana kelazatan resipi turun-temurun daripada bapa pemilik yang berasal dari Parit Buntar, Perak.

Ia disajikan dengan empat jenis lauk-pauk iaitu ayam berempah, ayam masala, kambing kurma dan daging hitam selain turut disertakan air asam utara.

Lebih menarik, Nasi Briyani Kukus Padu ini akan memberikan satu set nasi percuma buat ibu mengandung manakala setiap hari Jumaat pula, pelanggan boleh mendapatkannya dengan harga promosi bermula pukul 11 pagi hingga 1 petang.



PERCUMA UNTUK YANG CELIK HATI



DAPATKAN JUGA VERSI
E-PAPER WILAYAHKU DI
WWW.WILAYAHKU.COM.MY



PEDi Felda Soeharto sedia platform transformasi perniagaan

Sasar lahir 300 usahawan aktif



HAZIRAH HALIM

CABARAN ekonomi pada masa kini memerlukan sikap yang kreatif dan budaya inovasi dalam mempelbagaikan sumber pendapatan khususnya dalam mengatasi masalah kemiskinan bandar dan luar bandar.

Dalam mengatasi masalah tersebut, penubuhan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di sekitar kawasan bandar dan luar bandar dilihat antara usaha kerajaan dalam merapatkan jurang literasi digital sekali gus melahirkan dan memperkasakan usahawan kecil ke arah pendigitalan yang inovatif dan berdaya saing.

PEDi Felda Soeharto yang terletak di Kuala Kubu Bharu, Selangor merupakan antara PEDi luar bandar yang telah berjaya menjalankan pelbagai aktiviti dengan menumpukan terhadap pemerkaan ekonomi digital dalam kalangan masyarakat setempat termasuk menyediakan latihan dan bimbingan kepada murid-murid sekolah menerusi sesi e-pembelajaran.

Pengurus PEDi Felda Soeharto, **Rossyafira Muhamad** berkata penerimaan komuniti setempat terhadap perkhidmatan yang diberikan terutama melibatkan kursus latihan keusahawanan serta program teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) amat menggalakkan.

"Fokus utama kita adalah



PEDi Felda Soeharto menumpukan aspek pemerkaan ekonomi digital dalam kalangan usahawan komuniti dan pelajar sekolah.

memberikan latihan insentif dan perkhidmatan berlebihan mengikut kesesuaian golongan kerana di sini, kita tidak hanya tertumpu kepada golongan dewasa sahaja malah semua pelbagai lapisan umur di mana setiap daripada mereka mempunyai kemahiran yang berbeza-beza.

"Antara program yang dilaksanakan adalah latihan *e-commerce* khusus untuk usahawan dan didedahkan kaedah pemasaran di platform-platform media sosial seperti Lazada, TikTok, Instagram, Shopee dan sebagainya. Selain itu kita juga turut memberi ruang kepada para usahawan untuk memasarkan produk jualan mereka kepada komuniti

setempat menerusi pelbagai program jualan yang disediakan," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Rossyafira berkata sehingga kini PEDi Felda Soeharto merekodkan seramai 147 usahawan aktif yang memasarkan pelbagai produk dan perkhidmatan di kawasan ini.

"Peranan PEDi cukup penting kepada masyarakat iaitu sebagai penggerak agen transformasi daripada perkhidmatan pasaran secara tradisional ke arah pendigitalan yang berinovatif.

Jadi kita fokus kepada kaedah baharu untuk meningkatkan



ekonomi warga Felda Soeharto ini.

"Selain itu di PEDi ini, kita perlu sentiasa memberi kesedaran tentang kisah-kisah kejayaan bagi mengubah pemikiran masyarakat supaya berkembang dengan lebih pesat terutama melibatkan perkhidmatan berkaitan pemasaran digital," ujarnya.

Menurut Rossyafira, pihaknya menyasarkan penyertaan seramai 300 usahawan aktif yang akan mengikuti program keusahawanan yang disediakan di PEDi menjelang tahun 2024.

"Saya berharap kepada

seluruh komuniti sekitar Felda Soeharto ini memanfaatkan kemudahan yang disediakan termasuklah para usahawan untuk mendapatkan pelbagai latihan dan bimbingan melibatkan keusahawanan secara digital," jelasnya.

Menurut rekod sehingga Jun lalu, sebanyak 27,963 usahawan aktif PEDi direkodkan di seluruh negara dan menyertai pelbagai program keusahawanan yang dijalankan.

Terdahulu, dalam Belanjawan 2024 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebanyak RM25 juta diperuntukkan bagi memperkasa peranan PEDi untuk membantu masyarakat setempat. **WK**

Latihan keusahawanan PEDi ubah nasib Siti Aisyah

SEJAK menceburinya perniagaan jualan bunga tujuh tahun lalu, pemilik jenama Mama Ecah Surprise Delivery Florist Gift, **Siti Aisyah Mat Zain pernah memperolehi pendapatan hanya RM150 sahaja.**

Setelah menyertai latihan keusahawanan di Pusat Ekonomi Digital (PEDi) Felda Soeharto, pendapatan perniagaannya kini mampu mencapai sehingga RM2,500 sebulan sekali gus membuktikan kualiti program pembangunan usahawan yang mampu mengubah nasib peserta.

Siti Aisyah berkata beliau tidak menyangka setelah berkat usaha dan tunjuk ajar tenaga menerusi program keusahawanan itu mampu mengembangkan perniagaannya selain turut menguasai pasaran e-dagang dan memberi pemahaman tentang ekonomi digital.

"Dulu, saya tidak tahu bagaimana cara hendak

memasarkan produk ini kepada orang ramai, nak keluar buat iklan atau promosi pun saya tidak tahu dan tidak yakin.

"Namun, sejak saya mengikuti latihan di PEDi, kini saya lebih yakin dan banyak ilmu yang diperolehi terutama bagaimana cara hendak memasarkan produk secara meluas dan teknik yang perlu digunakan untuk memasarkan produk kepada pelanggan dan pelbagai lagi," katanya.

Ujarnya, banyak perubahan yang dapat dilihat terhadap dirinya terutama melibatkan kemahiran dalam menguruskan perniagaan dan melakukan pemasaran dalam talian.

"Ia bukan sahaja pada keuntungan atau hasil jualan, malah saya lebih yakin untuk berkongsi dengan orang ramai tentang perniagaan saya selain sudah mampu menguasai pelbagai ilmu

dan kemahiran terutama berkaitan ekonomi digital," katanya.

Siti Aisyah yang menyimpan impian untuk mengembangkan lagi perniagaan untuk memiliki kedai menjual gubahan hadiah pada masa depan menyeru agar orang ramai khususnya usahawan di Felda Soeharto untuk terlibat dalam kursus latihan dan bimbingan dengan menyertai program keusahawanan yang disediakan di PEDi berkenaan.

"Pada awal perniagaan, hasilnya tidak memberangsangkan apatah lagi saya tinggal di luar bandar dan tidak tahu cara untuk memasarkan produk dengan berkesan. Setelah menyertai latihan dan program keusahawanan, ia memberi kesan besar untuk saya yang memang tiada pengetahuan dengan ekonomi digital."

"Justeru itu, saya berharap usahawan di luar sana buang rasa



malu untuk datang ke PEDi ini kerana kakitangan di sini sentiasa membantu dan tidak lokek berkongsi ilmu.

"Ia juga dapat menambah ilmu pengetahuan dan sekali gus menambah pendapatan," katanya. **WK**

Hari Keluarga MCMC

Kukuhkan semangat kebersamaan

AZLAN ZAMBRY

SUASANA kerja yang lebih kondusif serta latihan di samping komunikasi dan hubungan baik dengan majikan merupakan kunci utama sesebuah organisasi dilihat berjaya.

Turut mengaplikasikan perkara tersebut, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) boleh dikategorikan sebagai sebuah organisasi yang memenuhi kriteria tersebut lantas berjaya dianugerahkan *Best Employer Brands Awards 2023*.

Meniti usia 25 tahun penubuhannya, MCMC menganjurkan Hari Keluarga baru-baru ini bagi meraikan seluruh pegawai dan kakitangannya yang beroperasi di seluruh negara sekali gus dapat meningkatkan semangat dan jati diri warganya untuk melaksanakan tugas yang lebih mencabar.

Taman Tema Splash Mania Gamuda Cove menjadi pilihan sambutan Hari Keluarga yang berjaya menghimpunkan lebih daripada 2,600 orang termasuklah dari Sabah dan Sarawak.

Seawal pulak 8 pagi, tirai sambutan Hari Keluarga dimulakan dengan persempahan nyanyian daripada residen artis MCMC sendiri yang terdiri daripada Ahad, Shada, Tahir, Heldora, Muiz, Amirul dan ramai lagi.

Sejurus itu, ia dimeriahkan dengan persempahan poco-poco dan zumba. Keseronokan tidak berhenti di situ apabila acara permainan *telematch* mengambil bahagian dengan pelbagai hadiah menarik menanti pemenang.

Hari Keluarga yang diadakan bukanlah sekadar meraikan Hari Ulang Tahun MCMC yang ke-25, namun

ia turut menjadi platform memupuk hubungan kekeluargaan dan ikatan yang erat antara warga MCMC.

Dalam masa yang sama, Sambutan Hari Keluarga MCMC di Splash Mania, Gamuda Cove turut menyulam semangat kebersamaan dan kegembiraan sekali gus memperkuatkukan lagi ikatan di antara mereka untuk masa hadapan.

Selain daripada aktiviti di taman tema, program cabutan bertuah turut diadakan di mana hadiah utama berupa motosikal edisi terhad yang dimenangi oleh **Muhammad Firdaus Soed** dari Bahagian Audit Dalam MCMC.

Dia yang telah berkhidmat selama 11 tahun dengan MCMC berkata hadiah utama yang dimenanginya adalah satu kejutan namun bersyukur kerana namanya diumumkan ketika Sambutan Hari Keluarga.

"Saya memang tidak pernah menyangka kerana sejak bekerja dengan MCMC, saya telah berpindah ke tiga jabatan dan ini adalah pertama kali memenangi hadiah cabutan bertuah," katanya.

Muhammad Firdaus turut menyifatkan MCMC mempunyai barisan kepimpinan yang bertanggungjawab dan peka terhadap kebajikan semua kakitangan tidak kira pangkat.

"MCMC adalah sebuah organisasi yang terbaik dan ramai yang enggan berpindah kerana selain keselesaan, pihak pengurusan juga sangat mementingkan kebajikan pekerja," katanya.

Terdahulu, hadiah utama tersebut disampaikan oleh Pengerusi MCMC, Tan Sri Salim Fateh Din selain turut dihadiri Ahli Suruhanjaya MCMC, Datuk Lim Thean Shiang. **WK**



Demi kelancaran operasi

Kompleks Penguat Kuasa PPj bakal dibina



SABRINA SABRE

SEBUAH kompleks Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya (PPj), bakal dibangunkan di Presint 9 bagi menjamin keselesaan petugas barisan hadapan kepada PPj.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, ia akan dilengkapi fasiliti seperti padang kawad, bilik latihan dan lain-lain keperluan bagi memastikan kelancaran operasi dan keperluan semasa.

"Selain itu, kita akan menambah baik pasukan penguat kuasa daripada segi kemahiran dan teknologi di era digital. Kita juga mengharapkan penguat kuasa PPj untuk meneroka penggunaan teknologi pada masa kini.

"Ia sebagai alat menyokong tugas-tugas penguatkuasaan bagi memastikan keberkesanan tindakan dan membantu dalam memudahkan serta mempercepatkan pelaksanaan tugas."

"Bahagian Penguat Kuasa PPj juga diseru untuk terus merancang serta melaksanakan aktiviti dan program sama ada di peringkat dalaman maupun luaran yang menjurus kepada meningkatkan kecemerlangan dan mutu perkhidmatan di samping mempertahankan imej penguat kuasa dan PPj."

"Adalah menjadi harapan agar semua pegawai dan anggota penguat kuasa menyelami dan memahami bahawa setiap tindakan yang diambil adalah



SAMBUTAN Hari Penguat Kuasa disambut pada setiap tahun bertujuan untuk meraikan anggota-anggota penguat kuasa serta mengukuhkan identiti dan esprit de corps (semangat berpasukan) dalam kalangan anggota.

demi kesejahteraan masyarakat Putrajaya dan semua pemegang taruh melalui penguatkuasaan yang tegas dan berhemah," ujar beliau semasa Majlis Perbarisan Sempena Sambutan Hari Penguat Kuasa PPj 2023 Dan Sambutan Jubli Perak Penguat Kuasa PPj baru-baru ini.

Menurut Fadlun, seramai 60 anggota penguat kuasa PPj diraikan dengan penuh protokol dan istiadat di Dataran Putrajaya, Presint 3, sempena sambutan tersebut.

"Ia merupakan penghargaan kepada anggota penguat kuasa yang sentiasa bertindak secara tegas dan berhemah dalam memastikan tindakan penguatkuasaan diambil secara



FADLUN

saksama serta sah di sisi undang-undang.

"Di samping itu, ia juga bagi memperingati sejarah penubuhan Pasukan Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya pada 17 Ogos 1998 yang pada awalnya hanya terdiri daripada enam anggota dan kini mempunyai lebih 150 orang selaras dengan pertambahan fungsi dan keperluan tugas yang semakin mencabar.

"Semoga ia dapat meningkatkan motivasi mereka dan menjadi sumber inspirasi kepada semua warga penguat kuasa PPj untuk berkhidmat dengan penuh amanah," ujar beliau.

Fadlun juga memaklumkan sudah tiba masanya keperluan

elaun penguat kuasa PPj dikaji semula seperti penguat kuasa pihak berkuasa tempatan lain terutamanya dengan bilangan penduduk dan pengunjung ke Putrajaya yang kian meningkat serta kewujudan kawasan-kawasan komersial dan residensi baharu.

"Pihak pengurusan akan sentiasa cakna tentang keperluan pasukan penguat kuasa. Justeru, pihak Pengurusan Sumber Manusia juga sedang menguruskan proses pertukaran khidmat lantikan MyStep kepada penjawatan Contract Of Service (COS) bagi memperkasakan pasukan ini dan meringankan bebanan tugas penguatkuasaan apabila kapasiti penduduk semakin bertambah," ujarnya pihak pengurusan juga sentiasa bersikap terbuka dan bersedia

menerima sebarang cadangan dan pendapat daripada semua anggota.

Dalam masa yang sama, pihak penguat kuasa PPj bersedia meningkatkan tindakan penguatkuasaan dalam menggalas amanah dan tanggungjawab demi kesejahteraan masyarakat Putrajaya dan semua pemegang taruh.

"Ia melalui penguatkuasaan yang tegas dan berhemah selain penekanan kepada nilai integriti dan tatakelola yang baik dalam pentadbiran organisasi. Mereka perlu sentiasa meningkatkan komitmen dan ketulusan dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

"Penguat kuasa memainkan peranan cukup penting bagi memastikan keselamatan dan keamanan negara terjaga dan terjamin. Untuk itu, mereka harus memberikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti supaya menjadi contoh teladan kepada pihak lain," ujar beliau pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APMM) juga telah bersetuju untuk melatih anggota penguat kuasa PPj bagi merealisasikan penubuhan Unit Tambo Penguat Kuasa PPj pada suatu hari nanti.

Terdahulu, majlis tersebut turut menyaksikan seorang pegawai penguat kuasa menerima Anugerah Khas Jubli Perak Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya manakala dua anggota dianugerahkan Pangkat Inspektor dan Pingat Perkhidmatan 25 Tahun. **WK**



Tarmizi bangga terima Anugerah Khas Jubli Perak

Foto: FARIS AZMI/PPJ

BERGELAR seorang penguat kuasa merupakan kenangan paling manis dan bermakna bagi **Ahmad Tarmizi Abdullah**, 43, sepanjang lebih dua dekad perkhidmatannya di Perbadanan Putrajaya (PPj).

Mula bertugas pada tahun 2001, bekas penuntut jurusan Ijazah Sarjana Muda Penguatkuasaan Undang-Undang (Penyiasatan) di Kolej Universiti Saito, Petaling Jaya ini berkata dia sudah melalui 1,001 detik manis dan pahit ketika berkhidmat sebagai Ketua Pasukan Penguat Kuasa PPj.

"PPj merupakan organisasi yang sentiasa prihatin terhadap kebijakan perkhidmatan awam yang telah menyumbang khidmat bakti dalam arus pembangunan negara," ujar penerima Anugerah Khas Jubli Perak sempena Majlis Perbarisan Sempena Sambutan Hari Penguat Kuasa PPj 2023 Dan Sambutan Jubli Perak Penguat Kuasa PPj baru-baru ini.

Dalam masa sama, dia berkata pengiktirafan tersebut memberi motivasi untuk dirinya agar

terus mengekalkan kecemerlangan di samping mempersiapkan mental dan fizikal untuk memperbaiki prestasi dari semasa ke semasa.

"Alhamdulillah, saya sangat gembira dan terharu apabila menerima anugerah ini. Ia merupakan pengiktirafan yang besar atas usaha dan komitmen saya sepanjang menjalankan tugas sebagai Ketua Pasukan Penguat Kuasa.

"Kejayaan sekiranya tidak diiringi dengan pengalaman, tekad jati diri, usaha, modal serta minat yang bersungguh-sungguh pasti tidak akan menampakkan hasilnya," ujarnya ia merupakan satu penghormatan untuk berkhidmat kepada negara tercinta.

Bapa kepada enam orang anak ini berkata dia gembira kerana dapat membantu memantapkan pasukan penguat kuasa daripada segi ilmu dan penampilan diri selain melihat perubahan positif dalam komuniti Putrajaya apabila pelbagai aduan yang diterima berjaya diselesaikan dengan tegas dan berhemah.

"Sepanjang berkhidmat sebagai penguat

kuasa PPj, sudah pasti pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi antaranya saya perlu sentiasa bersiap siaga dengan situasi cemas dan berbahaya, membanteras kesalahan jenayah, kemalangan sewaktu bertugas selain perlu berhadapan pelbagai kerentah manusia yang tidak muhu bekerjasama dengan kami.

"Tetapi dengan latihan serta kerjasama yang mantap daripada pasukan, saya dapat mengatasinya dengan efektif dan efisien," ujarnya yang berharap dapat terus menggalas amanah dan tanggungjawab sebagai seorang penguat kuasa. **WK**

Skim Biasiswa Pengajian Tinggi YWP

Ibu pelajar IPT sebak anak dibantu



KHAIRUL IDIN

KEPRIHATINAN Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) membela nasib dua pelajar golongan B40 di pulau ini melalui Biasiswa Pengajian Tinggi disifatkan amat bermakna oleh kedua-dua ibu bapa pelajar terbabit.

Bagi ibu kepada salah seorang pelajar, Jennifer Anselmus, 54, bantuan yang disalurkan oleh YWP meringankan beban anaknya yang kini menuntut di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

“Sebagai ibu, bantuan biasiswa yang diberikan oleh YWP sesuatu yang bermakna kepada kami sekeluarga dan ia dapat membantu yuran pengajian anak saya selain perbelanjaan hariannya.

“Terima kasih tidak terhingga kepada YWP kerana sudi membantu sekurang-kurangnya dia dapat mengejar impianya,” katanya ketika ditemui *Wilayahku* pada Majlis Penyampaian Biasiswa Pengajian Tinggi YWP yang disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail.

Sementara itu, Hayati Kadir, 49, yang juga merupakan ibu kepada seorang lagi penerima

biasiswa berasa terharu di atas keprihatinan YWP yang membantu anaknya dari awal melangkah ke menara gading sehingga ke hari ini.

“Tiada kata yang dapat diucapkan selain bersyukur dan berterima kasih kepada YWP yang memberi pembiayaan penuh bagi pengajiannya yang kini masuk tahun ketiga. Saya yakin dia tidak akan mensia-siakan peluang ini,” ujarnya sebak.

Terdahulu, sejak tahun 2015 hingga 2021, seramai 195 pelajar telah menerima manfaat Skim Biasiswa Pengajian Tinggi YWP dengan melibatkan jumlah keseluruhan peruntukan RM5.5 juta. **WK**



JENNIFER (kiri) dan Hayati (kanan) sejurus menerima cek Biasiswa Pengajian Tinggi YWP yang disampaikan Rithuan (tengah) baru-baru ini.



KERJA-KERJA perobohan rumah di penempatan haram tanah MUIS baru-baru ini.

500 rumah setinggan diroboh

SELEPAS lebih 30 tahun diduduki secara haram, lebih 500 buah rumah setinggan di Kampung Gersik, Labuan dirobohkan baru-baru ini.

Ia susulan notis selama enam bulan dikemukakan kepada penduduk bagi mengosongkan tanah milik Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) itu.

Menurut Ketua Penolong Setiausaha (Pelaburan) MUIS, Putera Aliff Al'Ain Jasni, penempatan di kawasan seluas 4.946 hektar dan 9.025 hektar itu didirikan oleh beribus penduduk secara haram.

“Operasi dibahagikan kepada tiga zon, permulaannya kita tumpukan kepada zon

dua dan zon tiga terlebih dahulu dan kami sasarkan untuk merobohkan 45 buah rumah.

“Penduduk di kawasan tersebut sudah diberi tempoh enam bulan sejak notis dikeluarkan 22 Mei lalu bagi memberi ruang dan masa untuk melaksanakan pemindahan dan pemulangan tanah milik MUIS tersebut,” katanya yang ditemui semasa operasi tersebut dijalankan.

Beliau berkata operasi perobohan itu membabitkan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) yang memotong bekalan elektrik di perumahan

settinggan dan dipantau oleh anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen dan Perbadanan Labuan.

“Operasi ini membabitkan tiga zon iaitu zon tiga akan menjadi tumpuan awal, kita perlu membersihkan struktur haram di zon tiga supaya dapat membawa masuk jengkaut untuk operasi ini dan kemudian diikuti zon dua dan satu,” jelasnya.

Tinjauan mendapat papan iklan telah dipasang di tapak tersebut yang menunjukkan kawasan berkenaan akan dibangunkan untuk projek perumahan. **WK**

Monsun Timur Laut, JPBD Labuan kerah 1,599 petugas

BAGI kesiapsiagaan dalam menghadapi Monsun Timur Laut (MTL), seramai 1,599 petugas membabitkan 21 jabatan dan agensi di Labuan bakal digerakkan jika berlaku sebarang bencana.

Menurut Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan, Rithuan Mohd Ismail, pihaknya telah mengenal pasti 10 lokasi *hot spot* sebagai lokasi berisiko tinggi ketika banjir.

“JPBD Labuan telah membuat beberapa persiapan awal untuk menghadapi MTL ini dengan menggerakkan 1,599 petugas pelbagai agensi untuk menggembungkan tenaga jika ada berlakunya sebarang bencana.

“Kita juga telah berjaya mengumpul aset yang akan digunakan dalam apa juga operasi khususnya operasi penyelamat dan pada masa ini kita mempunyai 25

buah lori, 46 buah kendaraan serba guna, 24 buah kendaraan pacuan empat roda, 12 buah ambulans dan 20 buah bot yang boleh digunakan operasi penyelamat,” katanya kepada *Wilayahku*, baru-baru ini.



RITHUAN

Mengulas lanjut mengenai status Pusat Pemindahan Sementara (PPS), Rithuan memaklumkan di Labuan mempunyai 25 PPS yang sedia ada dan boleh menampung lebih 7,000 mangsa dalam satu-satu masa.

“Selain itu, sebanyak 27 PPS baharu telah diwartakan dan boleh menampung lebih 12,000 mangsa,” jelasnya.

Terdahulu, MTL dijangka bermula pada 11 November ini dan berterusan sehingga Mac 2024. Dalam tempoh ini, empat hingga enam episod hujan lebat dijangka berlaku termasuk di Labuan.

WK



JPBD Labuan siap siaga hadapi banjir.

Rangkul gelaran Olahragawan dan Olahragawati WP

Suntikan semangat Erry, Joe Ee

SABRINA SABRE

JAGUH angkat berat, Muhammad Erry Hidayat, 24, dan gimnas, Ng Joe Ee, 18, terharu dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Wilayah Persekutuan pada Majlis Anugerah Sukan Wilayah Persekutuan 2021/2022 yang diadakan di Auditourium Cempaka Sari, Putrajaya pada Selasa.

Kedua-dua atlet tersebut menerima piala pusingan, wang tunai berjumlah RM8,000 dan tajaan barang sukan daripada FELET bernilai RM1,000 yang disampaikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

Erry mengetepikan saingan sengit daripada atlet renang, Steve Khiew dan juga S. Prem Kumar (karate). Dia berjaya melakar kejayaan dengan merangkul pingat perak pada Kejohanan Angkat Berat Asia 2021 dan Sukan Komanwel 2022 Birmingham selain pingat gangsa pada Sukan SEA 2022 Vietnam.

Dalam masa yang sama, dia turut memperbaharui rekod kebangsaan dengan jumlah angkatan 310 kilogram (kg) bagi kategori 73kg.

"Alhamdulillah saya sangat terharu. Anugerah ini menjadi suntikan semangat buat saya selain mempersiapkan mental dan fizikal bagi memenangi lebih banyak kejohanan di peringkat dunia."



ANTARA barisan penerima Anugerah Sukan Wilayah Persekutuan 2021-2022.



ERRY (kiri) dan Joe Ee (kanan) bersama piala pusingan Olahragawan dan Olahragawati Wilayah Persekutuan 2023.

"Saya bersyukur kerana Wilayah Persekutuan sentiasa memberi penghargaan kepada atlet yang berjaya dan semestinya ini memberi motivasi kepada kami para atlet untuk terus berjuang," ujar atlet angkat berat pertama merangkul gelaran Olahragawan Wilayah Persekutuan sejak ia mula dianjurkan pada tahun 2007.

Bakal menyertai Kejohanan Angkat Berat Dunia di Thailand serta Sukan Komanwel Fiji pada April dan September tahun hadapan, dia turut menyasarkan ranking ke-14 dunia berbanding ranking ke-16 yang dipegangnya kini.

Sementara itu, Ng Joe Ee mengakui ia merupakan satu kejutan buat dirinya kerana ramai lagi atlet

yang cemerlang namun dia terharu kerana berjaya menjadi salah seorang daripada mereka.

"Anugerah ini mendorong saya untuk bekerja dengan lebih keras buat negara tercinta. Kami (atlet) mahu membanggakan Malaysia dengan lebih banyak kejayaan," ujarnya yang dinobatkan sebagai Olahragawati Wilayah Persekutuan mengatasi dua

penerjun, Nur Dhabitah Sabri dan juga Wendy Ng Yan Yee.

Atlet kelahiran Kuala Lumpur itu mempamerkan aksi cemerlang sepanjang 2022 apabila merangkul dua pingat emas dalam disiplin bola dan riben pada Sukan Komanwel di Birmingham dan juga memenangi gelaran Olahragawati Kebangsaan 2022. WK

Tumpu cari bakat baharu Muay Thai

DIANA AMIR

KERJASAMA daripada semua kelab Muay Thai di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sangat diperlukan dalam mencari pelapis baharu bagi sukan tersebut.

Perkara tersebut disuarakan oleh Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh dalam usaha mencungkil lebih banyak bakat baru bagi Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) akan datang.

"Mungkin selepas ini kelab-kelab Muay Thai boleh mengadakan pertandingan dengan skala lebih kecil bagi memberi tumpuan mencari bakat baharu terutama dalam kalangan pelajar sekolah. Jangan hanya tumpu pada komersial," ujarnya kepada *Wilayahku* ketika ditemui pada Kejohanan Grand Final Kuda Merah International World Muaythai Championship 2023 yang diadakan di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Nik Ahmad berkata kejohanan tersebut merupakan antara acara tahunan MSWP bersama Kelab Kuda Merah.

"Ada sebahagian daripada penjujuk kita yang berlatih di bawah Kelab Kuda Merah dan diharapkan kerjasama seperti ini akan berterusan seterusnya membantu



NIK AHMAD (tiga kiri) ketika hadir menyaksikan Kejohanan Grand Final Kuda Merah International World Muaythai Championship 2023.

kontingen Wilayah Persekutuan (WiPers) untuk memperoleh pingat menerusi sukan tinju ini.

"Kejohanan seperti ini juga merupakan platform bagi mempromosikan Muay Thai dan diharapkan dengan populariti sukan ini yang kian meningkat dapat menarik minat lebih ramai golongan remaja," katanya.

Berkongsi mengenai persiapan kontingen WiPers dalam menghadapi SUKMA 2024, Nik Ahmad berkata disebabkan beberapa faktor, mereka agak ketinggalan daripada jadual yang ditetapkan.

"Walau bagaimanapun, saya boleh cakap yang kita masih di landasan yang tepat. Ada beberapa sukan yang kita boleh dominasi dan itu tidak memberi keimbangan terhadap saya dan disebabkankekangan kewangan juga kita akan cuba untuk memberi fokus kepada sukan-sukan yang mampu menyumbang pingat kepada kontinen."

"Secara peribadi, harapan saya adalah untuk mengekalkan kedudukan tempat ketiga itu. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada prestasi atlet serta situasi semasa kewangan," jelasnya. WK

Putra kekal kejuaraan kali ke-3

TAHNIAH! Putra Abdullah Mahmud, 18, berjaya mempertahankan kejuaraannya buat kali ketiga berturut-turut di pentas Kejohanan Grand Final Kuda Merah International World Muaythai Championship 2023.

Merupakan satu-satunya atlet Wilayah Persekutuan (WiPers) yang menyertai kejohanan tersebut, dia terus bersemangat untuk membawa nama kontinen ke aras yang lebih tinggi.

Menurut Putra, meskipun berjaya meraih kemenangan, namun dia tidak berpuas hati dengan prestasinya

memandangkan apa yang dipelajari sepanjang latihan tidak dapat dipersembahkan.

Untuk memastikan dirinya lebih bersedia dan terbiasa dengansituasi dalam gelanggang, pelbagai kejohanan akan disertai dalam masa terdekat sekali gus mempersiapkan diri menghadapi SUKMA 2024.

Terdahulu, Kejohanan Grand Final Kuda Merah International World Muaythai Championship 2023 yang diadakan di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 25 hingga 26 November lalu merupakan penampilan kali ke-18 atlet tersebut di pentas itu. WK



AKSI Putra (belakang) dalam Kejohanan Muay Thai baru-baru ini.

'Ramai saja Melayu yang rajin'

ISU Makcik Kemboja yang mencetuskan kontroversi selepas rakaman video mengandungi kenyataan mendakwa Melayu malas yang tular baru-baru ini masih menjadi bualan hangat dalam kalangan masyarakat.

Hal tersebut turut menyentuh hati pelakon dan pengacara, **Zoey Rahman** yang juga merupakan pemilik produk Mika Series yang menganggap dakwaan tersebut tidak berasas.

Sebagai majikan, dia mengakui sangat bangga kerana memiliki pekerja berbangsa Melayu yang memberi komitmen tinggi dalam pekerjaan mereka selama ini.

"Ramai saja Melayu yang rajin dan berjaya. *Alhamdulillah* saya bersyukur kerana dikurniakan kakitangan yang cukup rajin dan sentiasa mahu meningkatkan prestasi kerja. Mereka yang pernah bekerjasama dengan saya pasti tahu kecekapan pekerjaan saya di tahap mana."

"Jadi sejujurnya saya tidak setuju dengan kenyataan Makcik Kemboja yang secara tak langsung telah mencetuskan isu perkauman dan ia sangat sensitif. Dia sepertutnya menghargai kakitangan yang setia bekerja dengannya," ujar Zoey.

Tambahnya, majikan dan pekerja saling bergantung antara satu sama lain. Disebabkan itu, kenyataan tersebut tidak sepertutnya keluar daripada


seorang majikan.

"Majikan harus bijak memainkan peranan. Andai ada kelemahan, pasti ada cara untuk menegur. Saya tak pernah sentuh soal perkauman apatah lagi mahu menghina orang. Tak pernah terlintas sekalipun di fikiran saya."

"Pengguna produk saya terdiridari pada pelbagai kaum. Jadi, saya memang mengelak menyentuh isu seperti ini. Jangan sedap mulut saja nak keluarkan kenyataan."

"Semoga hal ini menjadi pengajaran kepada semua majikan atau sesiapa sahaja agar tidak menyentuh isu sebegini. Kalau ada majikan nak buat konten dalam media sosial, sila berhati-hati. Negara kita ada undang-undang. Jangan cabar," tegas Zoey.

Terdahulu, pemilik gedung tekstil yang dikenali sebagai Madame Mariyah telah membuat permohonan ampun menerusi satu video dipercayai ditujukan kepada Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim berhubung isu menghina Melayu. **WK**



Redha nanti rezeki



DARI MUKA 24

MENGINJAK 15 tahun dalam industri seni, tidak pernah terdengar rungutan atau keluhan daripada sesiapa sahaja tentang pelakon berkalisir ini malah Izzue masih kekal relevan sehingga ke hari ini.

"Tiada rahsia apapun kenapa masih diterima namun saya bernasib baik kerana isteri bijak menyusun jadual dan menguruskan saya. Dalam masa yang sama, saya perlu sentiasa fokus dan serius dengan apa yang dibuat."

"Ke mana pun kita pergi, sentiasalah merendah diri dan hormat pandangan orang sekeliling. Mungkin kadang-kadang pendapat berbeza, tapi semuanya boleh dibawa berbincang," jelasnya.

Jika sebelum ini Izzue lebih dikenali sebagai pelakon dan penyanyi, kini dia dilihat aktif dalam bidang pengacaraan.

"Tak dinafikan, sekarang saya lebih banyak fokus pengacaraan.

Iyalah, banyak tawaran jadi saya tak nak sia-siakan rezeki yang datang. Buat masa ini, setiap minggu saya mengacara rancangan Muzik Muzik 38 dan juga Famili Duo musim ke-3, bersama Janna Nick.

"Dalam bidang nyanyian pula, saya baru sahaja muncul dengan lagu *Joget Mama Papa* bersama Cat Farish dan penyanyi Indonesia, Sonia Richarda. Lagu ini dilancarkan di Indonesia.

"Sementara itu, dari segi lakonan pula, saya baru sahaja habis penggambaran siri drama *Rindu Kasih 2* yang akan disiarkan pada awal tahun depan di TV3," tambahnya lagi.

Menyedari hidup tidak boleh lari dari tekanan atau stres, Izzue akui beruntung apabila sentiasa ditemani isteri yang sanggup susah senang bersama.

"Tipulah kalau saya cakap tak pernah stres. Cuma tak ada yang perasan. Namun, semuanya menjadi mudah apabila saya banyak dibantu isteri dan sentiasa dikelilingi orang-orang positif," ujarnya. **WK**

Fitnah hari ini lebih dahsyat

PENGGUNAAN media sosial seperti Facebook, Instagram, TikTok dan seumpamanya sudah menjadi trend atau gaya hidup masyarakat hari ini. Celik mata, terus mencari peranti untuk menonton klip video dan sebagainya. Ini menunjukkan kuatnya pengaruh media sosial. Namun, apa yang membimbangkan, media sosial yang sepertutnya digunakan untuk kebaikan bertukar menjadi medan menyebarkan fitnah.

Mengakui hal tersebut, pengacara, **Iesya Toh** yang juga aktif berkongsi maklumat dalam media sosialnya turut menyuarakan rasa kecewa dengan amalan fitnah segelintir masyarakat hari ini.

"Fitnah ini dari zaman Nabi ada. Cuma zaman sekarang, cara fitnah terlalu advance ke tahap yang membimbangkan. Mudah sahaja, *at the end of the day*, kita yang memilih pengakhiran kita. Jadi kalau takut dosa, janganlah buat fitnah. Ingat, azab di akhirat nanti amatlah dahsyat."

"Bagi saya senang sahaja. Sebelum menulis dalam media sosial, ingatlah Allah Maha Melihat. Meskipun orang yang difitnah tidak tahu siapa yang mencipta fitnah itu, jangan ingat terlepas dari azab."

"Namun, kalau kita berkongsi perkara yang benar, teruskanlah. Kadang-kadang orang tak nak terima perkara yang benar kerana yang betul selalunya pahit. Biarlah mereka. Sekurang-kurangnya kita tidak mencipta fitnah yang boleh menghancurkan keharmonian masyarakat," katanya.

Dalam pada itu, bekas pengacara Selamat Pagi Malaysia itu mendapat pujian ramai apabila sering berkongsi perkara daripada sumber yang sahih malah dia turut dijadikan rujukan dan kaunter pertanyaan berkaitan isu semasa yang dikongsinya.

"Bukan saja-saja tanpa sebab. Saya hanya kongsi isu-isu yang berkaitan dengan pemimpin dan masyarakat. Sebagai bekas

pengacara dari tahun 2004 hingga 2017, saya mempunyai hubungan baik dengan ramai pemimpin tanpa mengira parti politik.

"Jadi sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dulu, saya buat keputusan untuk jadikan media sosial sebagai tempat aduan rakyat. Kalau ada masalah, saya cuba sebaik mungkin untuk sampaikan kepada pihak berwajib. Ada masa saya jumpa mereka di Parlimen untuk suarakan isu-isu tertentu. Cepat mereka respons. *Alhamdulillah*," jelasnya.

Iesya akui berpuas hati apabila dapat menyampaikan suara rakyat yang kadang-kadang tidak didengari oleh pihak berwajib.

"Saya rasa puas apabila dapat selesaikan masalah mereka. Saya faham, ada kalanya suara mereka tidak sampai kepada menteri. Jadi, saya yang mempunyai hubungan baik dengan mereka, bolehlah gunakan kelebihan ini untuk kebaikan rakyat juga," tambahnya lagi. **WK**





► 22

Izzue Islam setia hingga hujung nyawa

DEEL ANJER

ACAP kali diajukan soalan tentang zuriat namun penyanyi dan pengacara popular, Izzue Islam atau nama sebenarnya Muhammad Izzul Islam Mazlan, 33, tidak pernah berasa rimas. Baginya soal rezeki adalah ketentuan Allah.

Genap 10 tahun melayari alam rumah tangga bersama isteri tercinta, Nurinafilah Waharudin atau mesra disapa Awin, dia mengakui zuriat bukan alasan untuk mencari cinta baru.

“Saya bersyukur dengan apa yang ada sekarang walaupun setakat ini belum diberikan rezeki zuriat, tapi Allah sentiasa limpahkan kami dengan rezeki kesihatan, rezeki kerja dan rezeki dikelilingi orang yang baik.

“Tiada anak bukan satu masalah besar malah cinta saya kepada Awin tetap setia hingga ke hujung nyawa. Ia tidak mengubah perasaan saya kepada dia. Namun setiap hari kami tidak henti berdoa memohon diberikan zuriat.

“Aturan Allah sentiasa tepat. Kita perlu sentiasa redha dan yakin bahawa

Dia adalah sebaik-baik perancang. Ada yang dapat awal, tak kurang juga lambat malah ada yang tiada anak sampai ke hujung usia. Seandainya sudah ditakdirkan begitu, kami redha,” ujarnya kepada Wilayahku.

Tidak putus berusaha, Izzue dan isteri merancang untuk melakukan rawatan persenyawaan *in-vitro* (IVF) malah mereka sudah pun bertemu doktor pada tahun lepas.

“*Alhamdulillah* keputusan semuanya baik sahaja. Cuma doktor pesan kena ada masa untuk rehat sebab kalau kerja berterusan mungkin akan ganggu proses rawatan itu.

“Kami memerlukan jangka masa sekurang-kurangnya sembilan bulan untuk menjalani proses berkenaan. Namun buat masa ini jadual saya agak padat terutamanya dalam pengacaraan. Ia melibatkan banyak pihak dan saya tidak menolak rezeki yang datang.

“*Insya-Allah*, sampai waktunya nanti, kami pasti buat,” ujarnya mengakui semakin bahagia dalam kesederhanaan yang dibina bersama isteri yang merangkap pengurus peribadiinya.

► 23

